



# قلمتنا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 5

RABU 3 FEBRUARI, 1988.

1408 رابو 15 جادى الأخير

PERCUMA

## Pergolakan Timur Tengah dan Kampuchea

# Negara terus suarakan kebimbangan

**BERAKAS 30 Jan.** — Negara Brunei Darussalam sekali lagi menyuarakan kebimbangan terhadap pergolakan yang berlaku di Timur Tengah dan Kampuchea.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menyuarakan hal tersebut di majlis makan malam bagi meraikan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia, Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey bertempat di Istana Tetamu di sini.

"Brunei Darussalam mengutuk tindak-tanduk rejim Tel Aviv di Wilayah-wilayah Arab yang diduduki dan menyeru bagi satu sidang damai antarabangsa bagi Timur Tengah dan pengunduran tentera asing dari Kampuchea", sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Hak rakyat Palestin untuk menentukan masa depan di tanahair mereka sendiri, menurut Duli Yang Teramat Mulia telah diketepikan.

Ke arah itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Brunei Darussalam menyokong ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengutuk tindakan ganas rejim Tel Aviv dan dasar kekejamannya di wilayah-wilayah yang diduduki dan tindakannya mengusir rakyat Palestin.

Duli Yang Teramat Mulia selanjutnya bersabda, pencabulan tentera Yahudi ke atas Masjidil Aqsa, masjid ketiga yang paling suci di bumi ini menunjukkan ianya

mengamalkan sikap tidak berperikemanusiaan.

Menyentuh mengenai isu Kampuchea di Rantau Asia Tenggara hingga masa kini, Duli Yang Teramat Mulia bersabda bahawa Negara Brunei Darussalam menyokong penuh usaha-usaha yang dijalankan baru-baru ini oleh Presiden Kerajaan Campuran Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk.

"Brunei Darussalam menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh Presiden Kerajaan Campuran Kampuchea, Putera Norodom Sihanouk baru-baru ini bagi mengatasi pergolakan Kampuchea yang belum selesai," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Lihat muka 20

## Pengarah Biro Mencegah Rasuah yang baru

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Dato Paduka Awang Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, ditukar untuk mengisi jawatan Pengarah Biro Mencegah Rasuah mulai 1 Februari, 1988.

Dato Paduka Awang Haji Ismail telah mula berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan sejak 1 Jun, 1960 dan dilantik sebagai Merinyu Polis Percubaan pada 1 Oktober, 1963. Beliau mempunyai lebih 27 tahun pengalaman perkhidmatan di beberapa cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei dan jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana di antaranya beliau pernah menjawat jawatan sebagai Ketua



## SAMBUTAN HARI PUJA USIA

**JERUDONG 31 Jan.** — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat bercemer duli ke majlis meraikan hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia yang dianjurkan oleh Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA) di Kelab Polo di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia, yang juga selaku Penaung Persatuan berkenaan dijunjung oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan itu, Pengiran Datin Noraini beserta ahli-ahli jawatankuasa.

Juga berangkat ke majlis

tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Di majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga berkenan memotong kek hari puja usia Duli Yang Teramat Mulia di samping menyaksikan beberapa buah persembahan hiburan berupa nyanyian, mendeklamasikan sajak serta permainan angklung yang dipersembahkan oleh ahli-ahli PAPDA.

## Utus tahniah

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sir Ninian Stephen, Governor-General dan kepada Yang Berhormat Tuan Robert James Lee Hawke, Perdana Menteri Australia bersempena dengan Hari Kebangsaan Australia.

Baginda juga telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Ramaswamy Venkataraman Presiden dan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Rajiv Gandhi, Perdana Menteri Republik India bersempena dengan Hari Republik India masing-masing jatuh pada 26 Januari, 1988.

## MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang Musyrik itu akan ditempatkan di dalam neraka jahanam, kekalah mereka di dalamnya, mereka itulah sejahat-jahat makhluk." — Maksud Surah Al-Baiyinah ayat 6.

## PETIKAN TITAH

“PEMBANGUNAN tidak akan dapat mencapai kejayaan seperti yang kita hajatkan tanpa adanya kestabilan ekonomi, dan lebih-lebih lagi keamanan dan ketenteraman.”

Dititahkan semasa Majlis Mengadap di Dewan Kemasyarakatan, Tutong pada 17 Ogos 1982 sempena hari keputeraan baginda ke-36.





**Pelita Brunei**  
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

3 FEBRUARI, 1988

*Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang*

## SUKAN DAN IMEJ NEGARA

**T**IGA tahun yang lalu buat julung kalinya, kita berjaya mengendalikan Pesta Sukan Merdeka, yang bertaraf antarabangsa. Pesta sukan ini telah dapat menaikkan imej negara kita di samping tambah digalati oleh negara anggota ASEAN yang turut serta.

Melalui semangat kesukanan, kita berhasil memantapkan lagi perpaduan ASEAN yang secara tidak langsung menjadi perhatian masyarakat di luar ASEAN, khususnya negara-negara lain di Asia. Pesta sukan itu melibatkan hampir seribu atlit dari keenam buah negara ASEAN.

Dalam konteks sukan dan imej negara, elok kita renung dan rista kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merasmikan pesta sukan itu.

Titah baginda, sukan itu boleh menghindarkan diri dari aktiviti-aktiviti yang kurang sihat kerana kegiatan ahli sukan banyak tertumpu kepada usaha untuk memperbaiki prestasi masing-masing bagi sama-sama meninggikan imej negara dengan semangat kesukanan yang tulen serta hormat-menghormati.

Pertandingan sukan boleh dianggap sebagai satu tradisi yang sebaik-baiknya, titah baginda lagi, kerana walau betapa pun penatnya setelah berada kebolehan dan kecekapan dalam pelbagai acara sukan, semangat kesukanan yang kukuh serta padu akan sentiasa wujud di sanubari para ahli-sukan yang benar-benar berdedikasi dan bertanggungjawab.

Di samping itu kesihatan tubuh badan dari segi fizikal dan mental, tegas baginda, adalah merupakan kunci penggerak kepada kemajuan sosial dan bernegara yang akan dapat memupuk semangat persefahaman di antara satu dengan lain.

Menghayati titah ini, kita berkesimpulan bahawa sukan bukan semata-mata riadah malahan suatu cabaran yang unggul dan mulia daripada sebahagian hasrat manusia untuk mencapai kemajuan demi memperkukuh dan menyemarakkan imej negara.

Untuk menikmati secara hakiki apa jua bidang sukan, ia memerlukan kegigihan, ketabahan dan kesabaran yang luar biasa. Dan sifat-sifat ini sesungguhnya ada dimiliki oleh ahli sukan kita. Buktinya kita dapat meraih pingat emas di Sukan SEA di Jakarta, serta menunjukkan kecemerlangan memeranjatkan di Pertandingan Silat Sedunia di Kuala Lumpur.

Kemajuan ini meskipun agak 'sekubit' dibanding dengan pencapaian para atlit dari negara-negara lain tetapi ia telah dapat menggamit naluri para atlit kita itu sendiri, pihak yang berwajib, para pemimpin sukan yang menerajui mana-mana pertubuhan sukan secara sukarela dalam mencari pendekatan-pendekatan persefahaman yang positif demi meningkatkan lagi kemajuan dalam pelbagai bidang sukan.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun mengambil langkah-langkah tertentu dalam memajukan sukan di negara ini. Tentunya peranan dan penyertaan semua pihak juga perlu bagi keberkesanan langkah-langkah tersebut.

Dalam keghairahan kita menjangkau kemenangan itu, kita janganlah terlupa memberikan perhatian terhadap perkembangan sukan tradisional misalnya permainan layang-layang, permainan pasang, congkak dan lain-lain lagi yang juga berfungsi dalam menaikkan imej negara.

Kita tidak seharusnya membiarkan permainan tradisional ini cuma dilihat dalam upacara-upacara tertentu sahaja. Permainan layang-layang atau permainan pasang yang juga sebahagian dari sukan hendaklah diperkembangkan agar tidak hanya layak dipanggil 'sukan bermusim' atau sukan untuk sambutan hari perayaan tertentu sahaja.

Pemikiran untuk memajukan sukan tradisional ini perlu diambil kira oleh semua pihak, termasuk persatuan sukan sukarela selain daripada pihak berwajib, dalam konteks imej negara secara lebih meluas seperti memasyarakatkan sukan tradisional ini sebagai sukan milik kita yang patut dibanggakan.

Usaha-usaha atau langkah-langkah positif perlu diambil dari sekarang untuk mempopularkan sukan tradisional kita khususnya di kalangan generasi muda di samping meningkatkan penyelidikan mengenai sukan tersebut. Selain daripada itu patutlah diterbitkan buku atau risalah sebagai panduan bermain sukan tersebut. Pihak-pihak tertentu boleh menaja bagi menyelenggarakan peraduan sukan tradisional. Peralatan sukan sepatutnya dapat dibeli dengan lebih mudah lagi dengan harga yang berpatutan.

Kalau orang Jepun ada judonya dan beberapa buah negara jiran kita masing-masing punya sukan milik sendiri, adalah suatu yang bukan mustahil kalau ditinjau dari sejarah bahawa kita sesungguhnya sudah lama dan sedia ada sukan yang begitu kreatif milik kita sendiri. Hanya kita selalu lupa atau senghaja melupakan khazanah bangsa yang perlu malah belum terlambat untuk menggilap kembali secara berkesan.

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.

**S**AYA mengucapkan Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat menghadiri majlis sambutan ke-32 tahun penubuhan Persatuan Ikhwanul Muslimin Daerah Belait, pada hari ini. Dan saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Ikhwanul Muslimin yang dengan ikhlasnya menjemput saya untuk bersama-sama dan memberikan sedikit ucapan dalam majlis yang berkebahasaan ini.

Saya difahamkan bahawa Persatuan Ikhwanul Muslimin yang ditubuhkan dalam tahun 1954 itu di antara lain bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat Islam di Daerah Belait ini dan bagi membuat kerja-kerja yang berkebahasaan yang meliputi hal-ehwal keagamaan, kemasyarakatan, pelajaran, kebudayaan ekonomi yang berlandaskan ajaran agama Islam dan seumpamanya. Saya sangat kagum dengan usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan yang sungguh besar yang telah diungkayahkan oleh Persatuan Ikhwanul Muslimin pada usia ia mula ditubuhkan. Ia berjaya membangun Masjid Kampong Sungai Ubar, Kuala Belait yang hingga sekarang masih digunakan lagi, ia berjaya mendirikan sebuah rumah Imam bagi Masjid Pekan Belait (sekarang Masjid Jamalul Alam Kuala Belait), ia berjaya memulakan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di daerah ini secara besar-besaran dengan mengadakan perkumpulan di padang dan perarakan mengelilingi Pekan Belait.

Kejayaan-kejayaan cemerlang yang telah dibuat dan dicapai oleh Persatuan Ikhwanul Muslimin ini tentulah dilahirkan oleh niat hati pemimpin-pemimpinnya yang cekal dan ikhlas, disertai dengan persahabatan yang baik dan perpaduan yang kukuh di antara ahli-ahli Persatuan Ikhwanul Muslimin ini. Sesungguhnya orang-orang yang bersahabat dalam sesuatu kumpulan atau persatuan dengan tujuan-tujuan yang baik untuk membawa ahli-ahlinya kepada mentaati dan takwa kepada Allah, pasti akan merasa bahagia apabila usaha-usaha mereka berjaya dan mudahan mudahan diberkati dan diredai Allah.

Saya tertarik dengan program Persatuan Ikhwanul Muslimin bagi tahun 1988 yang di antara lain untuk menggalakkan anak laki-laki yang berumur 12 tahun supaya azan (bang) atau iqamah di rumah. Rancangan ini sebenarnya suatu usaha yang berkesan bagi mempraktikkan pelajaran agama yang diikuti oleh kanak-kanak itu di sekolah, dan elok kalau dilanjutkan dengan rancangan-rancangan lain seperti belajar mengaji sekeluarga di rumah, menghalusi perbuatan dan bacaan-bacaan dalam sembahyang dan juga mempelajari cara-cara menyembahyangkan mayat, umumnya membentuk suasana ilmu dalam keluarga yang berlandaskan agama, usaha-usaha seperti ini bukan sahaja ber-

# Mengutamakan 'muslihat' atau 'berkepentingan' diri sendiri Punca kepada perbelahan, perselisihan

faedah kepada keluarga sendiri bahkan ia dapat dimanfaatkan dalam kehidupan bermasyarakat.

Pada lazimnya persatuan-persatuan kebajikan adalah diusahakan dengan cara sukarela, maka salah satu pedoman dalam mengendalikan persatuan sukarela untuk kebaikan bersama ialah menghindarkan diri dari mengutamakan "muslihat" atau "berkepentingan" diri sendiri atau golongan-golongan tertentu, kerana adanya "muslihat" dan "kepentingan" itu, bukan sahaja boleh melemahkan perjalanan satu-satu kumpulan atau persatuan, bahkan ia juga akan menjadi punca kepada perlawanan dan perbelahan serta perselisihan yang berpanjangan. Oleh kerana itu Allah Subhanahu Wataala yang mengetahui akan perangai dan sifat hamba-hamba-Nya, yang Maha Arif lagi bijaksana tentang kelemahan dan kekurangan hamba-hamba-Nya, telah menunjukkan kepada kita jalan bagi menguatkan perpaduan dan persatuan.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 103 yang bermaksud, "Hendaklah kamu sekalian berpegang kepada tali ikatan Allah (ajaran-ajaran Allah) dan janganlah kamu berpecah belah," maksudnya tunduk dan berhukum dengan hukuman-hukuman Allah dalam semua perkara, jangan berpecah belah, jika ada perselisihan, maka lekas-lekaslah rujuk kepada ajaran Allah. Oleh itu sebarang "muslihat" atau "kepentingan" bagi diri sendiri atau golongan yang tertentu hendaklah dikawal, yang diutamakan ialah persatuan dan perpaduan serta permuafakatan yang dapat membawa kebajikan bersama demi kepentingan bersama, tujuannya sentiasa mengingat dan mentaati Allah dan kerana Allah.

Satu perkara yang kurang manis dalam bersatuan ialah jika ada sifat atau pembawaan yang mengadagadag, maksud mengadagadag itu ialah terlalu berbangga dengan persatuan itu dan memandang rendah kepada orang yang tidak menyertainya, atau seolah-olah mereka dan kegiatan mereka itulah saja yang paling baik di dunia ini manakala orang lain dan kegiatan orang lain seolah-olah tidak bererti. Ini sebenarnya boleh menjadi punca perpecahan, kita sendiri membaca di surat-surat khabar mengenai adanya dua



**UCAPAN penuh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama di majlis sambutan ke-32 tahun penubuhan Persatuan Ikhwanul Muslimin bertempat di Dewan Sekolah Ugama Seri Begawan Sultan, Kuala Belait pada 24 Januari, 1988.**

Imam dalam satu masjid bagi mendirikan Sembahyang Jumaat bergilir-gilir di masjid itu pada hari yang sama.

Bagi Persatuan Ikhwanul Muslimin yang telah berusia 32 tahun ini, yang telah menghadapi surut pasang dalam perjalanannya, merasa pahit manis dalam kehidupannya telah terbukti memperoleh kejayaan-kejayaan yang cemerlang di masa lalu, ini adalah disebabkan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya sentiasa bersatu padu menurut ajaran-ajaran Allah dan mereka berusaha dengan penuh keikhlasan semata-mata kerana Allah bukan kerana "bermuslihat" dan "berkepentingan".

Saya mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang kuat bahawa Persatuan Ikhwanul Muslimin ini akan sentiasa berjaya terutama jika pemimpin-pemimpin belia yang ada di Daerah Belait ini yang diketahui mempunyai pandangan yang luas, kemahuan yang gigih dan tabah dalam menjalankan tanggungjawab mereka, memasuki dan menyertai beramai-ramai Persatuan Ikhwanul Muslimin ini bagi membantu pemimpin-pemimpin yang telah ada yang sudah berjasa. Insya Allah Persatuan Ikhwanul Muslimin, Daerah Belait ini, akan tetap menjadi sebutan, sanjungan dan contoh teladan kepada persatuan-persatuan kebajikan yang lain sebagai salah sebuah persatuan yang

berjaya dan berjasa di negara ini.

Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sentiasa mengalu-alukan usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan yang boleh menolong usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mengembangkan dakwah dan syiar Islam di negara kita Brunei Darussalam ini. Dan saya mengakui bahawa kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam usahanya mengembangkan syiar Islam di negara ini, bukanlah hanya semata-mata diungkayahkan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi juga adalah berkat usaha dan kerjasama yang gigih daripada semua umat Islam di negara ini, termasuklah Persatuan Ikhwanul Muslimin yang menyambut tahun ke-32 ia ditubuhkan pada hari ini.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Ikhwanul Muslimin yang sudi menjemput saya hadir dalam majlis yang sungguh berkebahasaan ini, maka dengan iringan selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan mengucapkan Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, saya dengan sukacitanya merasmikan sambutan ulang tahun ke-32 tertubuhnya Persatuan Ikhwanul Muslimin, Daerah Belait ini.






DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima kunjungan hormat Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia, Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey.

Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO, Pg. Bahar PHO, Pg. Haji Yaakub dan Harun Rashid.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Hal Ehwal Luar Gambia, Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey telah mengadakan lawatan ke negara ini minggu lalu. Ketika berada di sini, Menteri Hal Ehwal Luar Gambia telah membuat kunjungan hormat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana

## Lawatan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia



Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima kunjungan hormat Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey (atas).



YANG Berhormat Al-Haj Omar B. Sey, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia ketika mendengarkan taklimat mengenai perkembangan pertanian negara yang disampaikan oleh Pengarah Pertanian, Dato Paduka Awang Haji Daniel bin Haji Abu Hanafiah. Juga kelihatan dalam gambar ialah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey juga telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan.

Ketika mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Menteri Hal Ehwal Luar Gambia itu telah mendengarkan taklimat mengenai perkembangan dan kemajuan pertanian di negara ini yang telah disampaikan oleh Dato Paduka Awang Daniel bin Haji Hanafiah, Pengarah Pertanian bertempat di Jabatan Pertanian di Lapangan Terbang Lama Berakas.

Di samping membuat kunjungan hormat, Yang Berhormat juga telah sempat melawat tempat-tempat yang menarik termasuk Muzium di Jalan Kota Batu, Masjid Omar Ali Saifuddin dan Kampong Ayer.

Sementara itu ketibaan Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada hari Khamis lepas telah disambut oleh Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Al-Haj Omar B. Sey, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia berbual mesra dengan Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri selepas ketibaan Yang Berhormat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas



DALAM lawatan ke negara ini Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia juga sempat mengadakan lawatan ke Pameran Perkembangan Islam di Pusat Dakwah Islamiah. Dalam gambar kelihatan Yang Berhormat diberi taklimat oleh Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail mengenai model Masjid Omar Ali Saifuddin.



MASJID Omar Ali Saifuddin di ibu negara juga sempat dilawati oleh Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey. Dalam gambar kelihatan Yang Berhormat mendengar sesuatu penerangan yang disampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Syariah.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-418

# IMAM MENJAGA WAKTU SEBELUM MENDIRIKAN SEMBAHYANG

**B**ERKATA As-Syed Al-Imam Al-Allamah Zulyaqini Walazmi wakathratil itlaa'ei wajudatil fahmi Abdullah bin Umar bin Abi Bakar bin Yahya Al-Alawiyyul Hadhrami yang hidup pada tahun 1209 Hijrah dan meninggal dunia tahun 1265 Hijrah dan dia pernah singgah di Pulau Pinang dan Pelembang pada tahun 1248 Hijrah di dalam kumpulan fatwanya:

Telah sampai kepada kita bahawa tuan Ash-Sheikh Al-Faadhilus Salih Muhammad bin Othman Al-'Amudi bahawa melewati sembahyang dari awal waktunya dan tuan terlampaui sangat menunggu ahli jemaah hingga membawa jemu dan malas dan mencuaikan dan

kurang ahli jemaah pada kebanyakan waktu sembahyang, padahal tuan adalah seorang imam dan orang yang diambil contoh dalam menunaikan sembahyang.

Ketahuilah moga-moga Allah memberikan taufik kepada kita dan tuan, pada mengikut perjalanan Nabi kita yang mukhtar dalam segala perkara, masa dan keadaan bahawa tiap-tiap orang Mukmin mestilah ia ada di bawah isyarat dan perintah syarak seperti mayat di hadapan pemandi mayat, dia meninggalkan fikirannya di hadapan perintah dan isyarat syarak dan ia meninggalkan segala fikiran orang yang berakal itu.

Bahawa syarak telah menetapkan perkara yang elok ditunggu oleh ahli jemaah dan perkara yang dikeji dan ditunggu, maka mestilah tuan terima dan tunduk kepadanya nescaya tuan selamat dari dosa dan cela.

## KERJA-KERJA IMAM SEBELUM MENDIRIKAN SEMBAHYANG

Berkata Al-Imam Hujjatul Islam dalam Ihya 'Ulumiddiin: Perkara yang ketiga dari jawatan-jawatan imam sebelum masuk waktu sembahyang maka hendaklah imam itu mengawas waktu-waktu sembahyang dan dia sembahyang di awal-awal waktu supaya ia dapat reda (Redhwaan) Allah kerana

kelebihan awal waktu dari kelebihan akhir waktu seperti kelebihan akhirat ke atas dunia. Begitulah telah diriwayatkan daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam satu hadis: "Bahawa demi seseorang hamba itu sembahyang pada akhir waktu dan apa ia telah luput kelebihan awal waktu lebih baik kepadanya dari dunia dan isi dunia."

Tiadalah sayugia dilengahkan sembahyang kerana menunggu jemaah yang ramai bahkan sayugia bagi imam bersegera mendirikan sembahyang bagi mendapatkan kelebihan awal waktu, maka sembahyang awal waktu lebih utama, lebih afdal dari banyak jemaah dan

## Bahagian pertama

dari memanjangkan membaca surah.

Dan dikatakan dan disebut-sebutkan bahawa ulama dahulu apabila mereka dapati dua orang ahli jemaah mereka tiada menanti yang ketiga dan apabila mereka dapati empat orang dalam sesuatu jenazah maka mereka tiada menunggu yang kelima.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah lewat dari sembahyang subuh dan mereka dalam pelayaran. Hanya Nabi lewat kerana mengambil taharah bersuci, maka sahabat-sahabat tiada menunggu Baginda dan

mereka ke hadapan sahabat Abdur Rahman bin 'Auf dan ia menjadi imam dan ia sembahyang dengan sahabat-sahabat sehingga luput Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan satu rakaat dan Rasulullah bangun menyelesaikan sembahyang Baginda. Berkata rawi hadis itu: "Maka kami bimbang berlaku begitu, tetapi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang artinya: "Sesungguhnya kamu telah buat elok, begitulah hendaklah kamu buat."

WALLAHUAKLAM  
(Bersambung).



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

## MEMELUK ISLAM

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Satu majlis pengislaman telah diadakan di Bangunan Plaza RBA pada 16 Januari, 1988 bagi seorang kakitangan Penerbangan Diraja Brunei yang berbangsa Filipina, Awang Eliodoro A. Atienza.

Ikrar pengislaman telah dilafazkan di hadapan Ustaz Haji Siraj, seorang pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah dan disaksikan oleh pihak pengurusan kanan beserta dengan kakitangan-kakitangan Penerbangan Diraja Brunei.

Awang Eliodoro, 51 tahun telah memilih nama Islamnya sebagai Mohd. Abdul Rahman Atienza bin Abdullah.

Selepas majlis tersebut sebuah ceramah agama telah disampaikan oleh seorang pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Mahmud Yaakub dan ini diikuti pula dengan majlis berzikir yang mana dianggotai oleh kakitangan Diraja Brunei sendiri. Ianya diakhiri dengan bacaan doa selamat.

# Negara tuan rumah Persidangan Bengkel Tamadun Islam



**GAMBAR** atas memperlihatkan ketika mesyuarat diadakan bagi membincangkan persiapan-persiapan Persidangan Bengkel Serantau ke-2 Projek Kajian Tamadun Islam di Alam Melayu bertempat di Pusat Dakwah Islamiah. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Haji Ismail, di tengah sekali. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

**PULAIE 25 Jan.** — Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Bengkel Serantau Projek Kajian Tamadun Islam di Alam Melayu ke-2 pada 21 Februari depan.

Persiapan bagi bengkel tersebut kini sedang dibuat dan telah dibincangkan oleh Jawa tankuasa Kebangsaan Projek Kajian Tamadun Islam di Pusat Dakwah Islamiah di sini yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Ibrahim.

Selain daripada Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia adalah di antara negara anggota yang dijangka menyertai bengkel tersebut.

Bengkel Serantau ke-2 Projek Kajian Tamadun Islam di Alam Melayu adalah anjuran OIC dan Pusat Kajian Tamadun Sejarah dan Kebudayaan Islam yang bertempat di Turkey. Bengkel yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada bulan April 1986 lalu.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 3 Februari hingga ke hari Selasa 9 Februari 1988 adalah seperti di bawah ini :-

| HARI BULAN | ZUHUR |          | ASAR  |          | MAGHRIB |          | ISYAK |          | IMSAK | SUBUH |          | MATAHARI TERBIT |
|------------|-------|----------|-------|----------|---------|----------|-------|----------|-------|-------|----------|-----------------|
|            | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai   | Berakhir | Mulai | Berakhir |       | Mulai | Berakhir |                 |
| Februari   |       |          |       |          |         |          |       |          |       |       |          |                 |
| 3          | 12.36 | 3.55     | 3.56  | 6.31     | 6.32    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |
| 4          | 12.36 | 3.55     | 3.56  | 6.31     | 6.32    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |
| 5          | 12.37 | 3.55     | 3.56  | 6.31     | 6.32    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |
| 6          | 12.37 | 3.55     | 3.56  | 6.32     | 6.33    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |
| 7          | 12.37 | 3.55     | 3.56  | 6.32     | 6.33    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |
| 8          | 12.37 | 3.55     | 3.56  | 6.32     | 6.33    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |
| 9          | 12.37 | 3.55     | 3.56  | 6.32     | 6.33    | 7.43     | 7.44  | 5.24     | 5.11  | 5.25  | 6.36     | 6.37            |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



**KELIHATAN** Awang Mohd. Abdul Rahman Atienza bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustaz Awang Haji Siraj, seorang pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah. Majlis pengislaman tersebut telah dilangsungkan di Bangunan Plaza RBA baru-baru ini. — Gambar ihsan RBA.



# Penyakit rohani dapat diubati DENGAN MELAKUKAN PERINTAH ALLAH

**M**ARILAH kita bertakwa kepada Allah dengan sebenar-sebenarnya ketakwaan dan sentiasa berhati-hati dari godaan syaitan. Sebab syaitan itu pekerjaannya adalah mengajak dan menyuruh kita kepada kejahatan dan kemungkarannya. Dan ingatlah bahawa orang-orang yang benar-benar bertakwa kepada Allah itu pasti mendapat kejayaan di dalam hidupnya baik di dunia mahupun di akhirat nanti.

Wahai kaum Muslimin,

Kita semuanya mengetahui bahawa setiap manusia yang dijadikan oleh Allah adalah dalam bentuk berjasmani dan berroh. Kalaupun manusia itu hanya dalam bentuk tubuh badan sahaja tanpa roh, namanya manusia itu mati manakala kalau hanya roh sahaja pula tanpa tubuh badan bukanlah manusia namanya.

Mengenai jasmani kita semua sudah maklum dan tahu kerana ianya dapat dilihat dan dirasa atau disentuh. Ianya adalah merupakan tubuh badan kita yang dapat diperiksa bahagian-bahagiannya. Seperti tulang, daging, kulit, darah dan lain-lain lagi. Adapun apa yang dikatakan rohani yang ada di dalam tubuh badan kita adalah tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Sebenarnya itulah yang dinamakan sebagai akal fikiran, perasaan batin atau yang dikatakan sebagai roh atau jiwa. Sebenarnya kedua-dua perkara yang menyebabkan manusia itu hidup adalah wajib dipelihara, dan diberi makan, supaya dapat menjadi sempurna, sihat dan jangan sampai sakit, dengan maksud lain ialah supaya keduanya itu dijaga dengan sebaik-baiknya andainya berlaku kesalahan atau kesilapan di dalam penjagaan atau tidak dijaga atau diasuh dengan sebaik-baiknya atau dengan sempurna maka sudah pasti jasmani mahupun rohani kita akan sakit, dan jika berterusan sakitnya adalah boleh membawa kepada maut atau mati. Cuma sakit atau matinya jasmani dan rohani itu adalah berbeza. Sakitnya jasmani kita, akan dapat dirasakan oleh anggota-anggota tubuh badan kita. Sedangkan sakit rohani tidak dapat dirasakan oleh tubuh atau anggota

kita. Kerana itu segala penyakit-penyakit rohani yang menghinggapinya diri seseorang tidak akan didapati ubatnya di rumah-rumah sakit atau di klinik.

Untuk keperluan jasmani supaya ianya terus sihat, kita semua tahu bagaimana makanan yang perlu disediakan untuknya, akan tetapi untuk kesihatan rohani apakah makanan yang perlu baginya dan kalau ianya sakit apakah pula jenis ubat yang diperlukan untuk mengubatnya. Dan apakah tanda-tandanya ia sakit.

Wahai kaum Muslimin,

Makanan rohani ialah bermakrifat kepada Allah, iaitu mengetahui bahawa Allah Taala itu maha berkuasa, sedang dirinya sebagai makhluk Allah adalah lemah sifatnya, juga Allah itu maha mengetahui. Dan melihat apa yang zahir mahupun yang terpendam. Selain itu adalah wajib meyakinkan diri bahawa segala amal perbuatan diri kita pasti ada balasannya, selain dari itu hendaklah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berhubungan dengan akidah, akhlak yang mulia, ilmu peribadatan serta ilmu-ilmu agama yang lain yang semuanya itu hendaklah dituntut dengan niat untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala. Jadi di sini dapat kita simpulkan bahawa makanan rohani itu adalah ilmu pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan Islam.

Adapun cara merawatnya supaya tetap sihat ialah dengan beramal dengan ilmu-ilmu yang sudah menjadi makanan rohani dan dalam hal ini ianya adalah memerlukan kesedaran dan keinsafan supaya jangan teras berat apabila hendak mengamalkan apa-apa yang sudah diketahui kebajikannya. Umpamanya mengerjakan atau melakukan apa-apa yang diperintahkan Allah dan Rasulullah dan meninggalkan apa-apa yang ditegah oleh Allah dan Rasulullah. Andainya di dalam hal ini kita dapat melaksanakan dengan penuh sempurna maka bererti rohani kita terpelihara baik akan tetapi andainya masih ada yang tidak sempurna sama ada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh agama yang boleh mendatangkan dosa kepada diri kita baik dosa-dosa be-



sar mahupun dosa-dosa kecil. Maka itu tandanya rohani kita masih berpenyakit. Kerana kehendak hawa nafsu dan kemahuan syaitan masih dapat mengalahkan suruhan-suruhan dan tegahan-tegahan Allah dan Rasulullah terhadap dirinya. Orang yang seperti ini kalaulah ianya tidak mahu mengubati penyakit rohaninya itu atau membiarkan rohaninya itu terus sakit sehingga ianya tenat sakitnya. Maka sudah pasti rohaninya itu akan mati. Dan tanda ianya mati ialah jikalau rohani itu tidak lagi mahu menerima petunjuk dan hidayah Allah Subhanahu Wataala dan orang yang seperti ini adalah orang yang telah ditutupkan oleh Allah mata hatinya, hilang kesuciannya dan lenyap titik-titik terang di dalam kalbunya. Iaitu sebagaimana yang difirmankan Allah di dalam Al-Quran yang kira-kira tafsirannya:

*"Allah telah menutupkan hati-hati mereka dan pendengaran mereka dan pada penglihatan mereka pula tertutup (sehingga tidak kenal perkara-perkara yang hak dan yang batil)."*

Lihat muka 8

**A**LHAMDULILLAH kita telah berada di tahun 1988, ini bererti usia kita kian meningkat lagi dan Allah telah memberikan kepada kita lanjutan usia bagi terus menghirup udara dunia sehingga kita dapat menikmati kedatangan tahun ini, dan apakah kita akan berkesempatan mengikutinya sehingga penghujungnya kelak, cuma Allah sahaja yang akan menentukannya.

Setiap datangnya tahun baru bererti bertambah usia kita dan apakah juga akan bertambah takwa dan keimanan kita, mudah-mudahan demikian. Akan tetapi akan halnya sebagai manusia biasa mari kita mengingat kembali tahun yang sudah kita lewati bersama kehidupan yang kita abadikan di dalamnya, mari kita kaji, pelajari dan buatlah satu titik tolak atau sudut satu perbandingan terhadap hal diri kita sendiri, betapa adakah kita ingin membuat perubahan yang lebih baik dari dahulu atau bagaimana.

Memang kian tua usia zaman kian banyak perubahan dan perkembangan dunia, banyak penemuan-penemuan bahan, ciptaan-ciptaan baru, teori-teori, alat-alat moden dan sebagainya, akal manusia banyak kian pintar dalam keilmuan sehingga dapat menemui cara dan bentuk-bentuk baru dan mudah. Dan apakah dengan adanya kemudahan kesemuanya itu akan melalai dan melupakan

tugas kewajipan kita sebagai makhluk terhadap Haliknya, sebagai penganut kepada agamanya, sebagai bangsa terhadap masyarakat dan negaranya dan seterusnya.

Sebagai manusia juga kita sering lupa dan silap dalam menghayati kehidupan ini, apa lagi jika kita dalam kemewahan, kedudukan, kuasa serta beberapa kesenangan yang meliputi hidup, ini akan menimbulkan sifat-sifat yang sudah lumrah dewasa ini, sifat bangga diri atau ego; baik dalam percakapan, lagak atau perbuatannya.

Semuanya ini akan membuat masyarakat ada yang kagum dengan menganggap mereka itu adalah manusia yang berkebolehan dan wajar dan tidak kurang pula ada yang merasa bosan dan benci atas kepura-puraan tersebut. Sifat berpura-pura seumpama permainan sandiwara begitu halus sehingga tidak terasa oleh pelakunya sendiri, mungkin ia dianggap perkara kecil sahaja akan tetapi akibatnya adalah besar, seperti kuman yang kecil tetapi bisa membinasakan tubuh dan membawa maut.

Apakah kita merasa bangga dengan kekuatan, kecantikan, kekayaan, kedudukan dan lainnya sehingga kita lupa bahawa kita hidup adalah

dalam satu masyarakat Islam yang tidak semuanya kagum dengan keadaan sedemikian, Tuhan memberikan sesuatu kelebihan dan sebaliknya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya adalah merupakan satu pemberian Allah yang bermakna dan mempunyai muslihat di sebaliknya. Seperti mana firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 26 yang kira-kira tafsirnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad), wahai Tuhan yang memberi kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari siapa yang Engkau kehendaki, Engkaulah juga yang memulakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Di dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan, sesungguhnya Engkau Amat Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

Maka itu mengapakah kita tidak merasakan bahawa semuanya itu adalah cuma bersifat sementara sahaja. Semuanya akan hilang lenyap tanpa kesan dan tidak akan boleh menjamin kehidupan kita di akhirat kelak. Kalau di dunia kita terpendam kerana dengan sifat-sifat sedemikian

sifat-sifat yang kita tidak memanfaatkan ke jalan Allah, maka tidak bererti di akhirat kita akan menerima kedudukan yang sama, kerana Allah Amat Mengetahui lagi Bijaksana, hanya sanya orang-orang yang takwa sahajalah yang Allah utamakan sebagaimana janji-Nya yang tertulis dalam Al-Quran Surah Al-Hujarat ayat 13 yang kira-kira tafsirnya bermaksud: *"..... Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu....."* Janji Allah tidak pernah berubah, dan hanya manusia sahaja yang selalu munafik terhadap-Nya.

Memang kita selaku manusia biasa, apa lagi yang hidup dalam zaman moden dewasa ini begitu terdedah dengan seribu satu macam masalah dunia, pergolakan dunia sekarang mengikut perkembangan zamannya memang jauh berbeza dengan situasi dunia di zaman lampau, kehidupan manusia berubah mengikut situasi alam sekitarnya, malah tanpa disedari kadang-kadang perubahan itu didorong oleh hati yang terbawa-bawa oleh pengaruh keliling kehidupan tadi, kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara, apa lagi manusia yang terlalu "aktif" dengan pergerakan-pergerakan sosial dan menganggap ianya sudah

"standard" dan terpelajar dalam masyarakatnya akan merasakan betapa besarnya harga diri atau imejnya; atau juga bukan kerana pengaruh keadaan tetapi telah menjadi tabiat semula jadi kerana manusia itu memang tidak semuanya sama keadaannya. Namun demikian kita manusia yang lemah ini tidaklah semuanya bersifat sebagaimana yang dinyatakan tersebut, akan tetapi kenyataannya memang ada terdapat dalam dunia dewasa ini, kerana kenapa kita berani berkata demikian, bukankah Allah amat mengetahui ciptaan-Nya dan apa-apa yang menjadi sifat ciptaan-Nya itu. Allah berfirman yang kira-kira bermaksud: *"Dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sombong, kerana sesungguhnya engkau tidak akan dapat menembusi bumi dan engkau tidak akan dapat menyamai setinggi gunung ganang,"* Surah Al-Isra' ayat 37.

Dalam Surah Luqman ayat 18 firman Allah yang bermaksud: *"Dan janganlah engkau memalingkan muka mu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong, takbur lagi membanggakan diri."*

## Menuju Keredaan Allah

Tidak ada gading yang tak retak, tetapi jangan sampai retak membawa belah. Manusia yang "gentlemen" adalah yang berani mengakui kesalahannya, mengoreksi diri sendiri sebelum mengoreksi orang lain, retak-retak boleh diperbaiki jangan sampai sudah berkecai. Memang tahun 1988 tidak pernah menjangkan apakah akan baik atau buruk berada di dalamnya, akan tetapi kita sendiri yang menentukan ke mana arah yang hendak kita capai. Masih belum terlambat untuk kita merubah sikap dan sifat yang kalau ketika ini kurang baik kepada yang lebih baik. Dan marilah kita berdoa bersama-sama seperti doa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang pernah diriwayatkan oleh At-Tarmizi dan Al-Khatib kepada Ummul Ma'bid Al-Khuzailah, bagi menuju keredaan Allah ini. *"Ya Allah sucikanlah hatiku dari bermuka-muka, amalku dari ria, lidahku dari dusta, mataku dari khianat. Sesungguhnya Engkau mengetahui kekhianatan mata dan apa-apa yang disembunyikan dada."* Amin.



## Nama baru bagi jalan-jalan di kawasan Belait dan Seria

KUALA BELAIT. — Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria memaklumkan bahawa Jalan Belait/Seria bermula dari hujung Jalan Carey (iaitu persimpangan Jalan Panglima) hingga ke simpang Jalan Mumong mulai sekarang adalah diberi nama JALAN MAULANA. Jalan-jalan yang dinyatakan di tempat-tempat berikut di bawah ini juga diberi nama-nama: —

### KAWASAN KUALA BELAIT

Jalan Mumong  
3 batang link road  
di Jalan Mumong

Jalan Mumong Kecil  
Jalan Mumong Besar  
Dua persimpangan Mckerron

Tiga persimpangan Bunga  
Tanjung

Jalan Pasar  
Jalan ke pembuangan  
sampah

### KAWASAN SERIA

Jalan ke Panggung Marina  
Backlane Pasar  
Jalan antara Pasar dan  
Kedai Seria  
Jalan antara Jalan Pinang  
dan Jalan Kemantin  
Backlane Jalan Bunga Melor  
Jalan Keluar ke Jalan  
Bolkiah

Jalan Singa Menteri  
a. Jalan Pandan Enam  
b. Jalan Pandan Tujoh  
c. Jalan Pandan Lapan

Jalan Dipa Negara  
Jalan Mumong  
a. Lorong Dewan Satu  
b. Lorong Dewan Dua

a. Lorong Bunga Tanjung Satu  
b. Lorong Bunga Tanjung Dua  
c. Lorong Bunga Tanjung Tiga

Jalan Pasar  
Lorong Setia Diraja

Jalan Bunga Melati  
Lorong Pasar Satu  
Lorong Pasar Dua

Lorong Pinang

Lorong Bunga Melor  
Lorong Bolkiah.



TUAN Yang Terutama Tuan J.M. Starey, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini, menjelaskan sesuatu kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Jamuan Ulang Tahun ke-200 Australia. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Sambutan ulangtahun ke-200 Australia

BERAKAS 26 Jan. — Suruhanjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam telah mengadakan jamuan makan malam ulangtahun ke-200 Australia di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Australia Tuan Yang Terutama Tuan J.M. Starey di sini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di majlis itu diwakili oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin.

Majlis itu juga dihadiri oleh para pegawai kanan Kerajaan dan para diplomat asing ke negara ini.

## Perluaskan pengetahuan di bidang kewartawanan

GADONG 23 Jan. — Para pemberita, penyunting dan jurugambar Radio Televisyen Brunei (RTB) digesa agar memperluaskan pengetahuan di bidang kewartawanan bukan sahaja bagi sekitar apa yang berlaku di dalam negeri malah memperluaskan diri dalam pengetahuan kewartawanan serantau dan antarabangsa.

Ini adalah disebabkan oleh penglibatan negara kita dalam kegiatan-kegiatan serantau dan antarabangsa semakin penuh 'committed' dan negara serta masyarakat kita juga tidaklah dapat lari dari mengikuti perkembangan semasa dan berita yang berlaku di sekitarnya.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad menggesa demikian ketika berucap di majlis penutupan rasmi dan penyampaian sijil-sijil

### Oleh Bolhassan HAB

kepada para peserta-peserta Kursus Penerbitan Berita yang berlangsung di salah sebuah restoran di sini.

Pengiran Asmalee seterusnya menekankan kepada para peserta akan peri mustahaknya semangat kerja berpasukan yakni 'teamwork'.

"Saya berharap para peserta yang terdiri dari pemberita, penyunting, jurukamera dan perakam suara akan menyedari akan peri mustahaknya "team building" ini ditanamkan dan diimplementasikan setiap masa," tambah beliau.

Perundingan-perundingan awal ke arah isi berita, isi penggambaran, teknik liputan dan penyuntingan yang akan disampaikan,

menurut beliau haruslah dibincangkan dan dikordinasikan bersama bagi memudahkan pengendalian dan persefahaman supaya berita yang akan disebarkan itu akan tepat dan bermanfaat bagi 'hidangan' ramai.

Kursus penerbitan berita bagi 17 orang penyunting berita, filem, pemberita dan jurugambar dari Bahagian Berita dan Hal-Ehwal Semasa dan Bahagian Perkhidmatan Perfileman RTB telah berjalan selama 12 hari yang bermula pada 11 Januari lalu.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani serta Timbalan Pengarah Penyiaran, Haji Aliddin bin Haji Othman dan Timbalan Pengarah Penerangan, Pengiran Haji Mohd. Yassin bin Pengiran Haji Othman.



PENGIRAN Asmalee bin Pengiran Ahmad, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil kepada Awang Kassim bin Abd. Rahman. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## RBA lantik sebuah lagi ejen pengiklanan

BANDAR SERI BEGAWAN 25 Jan. — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah melantik sebuah agen pengiklanan yang baru, Ogilvy and Mather.

Agensi pengiklanan yang terkemuka itu dipilih daripada enam buah agen lain yang sama-sama disenaraikan oleh pihak syarikat.

Upacara menandatangani perjanjian bagi kedua belah pihak, iaitu RBA dan Ogilvy and Mather telah berlangsung di Pusat Perdagangan di

bangunan RBA Plaza di sini.

Perjanjian yang akan berkuatkuasa pada 1 April depan telah ditandatangani oleh Pengarah Urusan RBA, Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim dan Pengarah Ogilvy and Mather bagi Rantau Asia Tenggara, Awang Harry Reid.

Sebelum ini semua urusan pengiklanan telah diuruskan oleh sebuah agen pengiklanan iaitu Advertising Associates (Singapura) bagi selama hampir 13 tahun.


Pengarah Urusan RBA, dalam ucapannya di upacara tersebut berkata, langkah-langkah yang diambil oleh RBA selama lebih tiga tahun adalah sia-sia jika kita gagal mempublisiti peningkatan para pelanggan dari dalam dan luar negeri.

"Ogilvy and Mather dipilih kerana kesungguhan mereka untuk bekerjasama dengan pihak syarikat dalam memahami dan mencapai matlamat kita bagi menegenakkan RBA di mata dunia," tambah Pengiran Tengah.



GAMBAR ketika perjanjian diadakan di antara Pengiran Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim, Pengarah Urusan RBA (dua dari kiri) dengan Awang Harry Reid, Pengarah Ogilvy dan Mather bagi Rantau Asia Tenggara. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.





## PERSATUAN KACA TERIMA DERMA LEBIH \$40 RIBU

SUBOK. — Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) telah menerima sumbangan derma dari Syarikat Penerbangan Singapura (SIA).

Derma berupa chek bernilai \$40,040.40 itu telah disampaikan oleh Pengurus Umum Syarikat tersebut, Awang Ernest Tan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein yang juga selaku Penasihat Bersama Persatuan KACA, bertempat

di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini pada 27 Januari lalu (gambar kiri).

Sumbangan tersebut adalah hasil daripada kutipan lumba berjalan kaki (marathon) yang ditaja oleh syarikat berkenaan pada pertengahan tahun lalu.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Pengerusi Bersama Persatuan KACA serta pegawai-pegawai dari syarikat penerbangan tersebut. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

## SUMBANGAN DERMA

KUALA BELAIT 27 Jan. — Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah telah menyumbangkan derma yang berupa alat-alat permainan yang berharga lebih tiga ribu ringgit bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik di daerah tersebut.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh pengetua maktab itu, Awang Azaharaini bin Haji Jamil kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad di Pusat Bimbingan Kanak-kanak Cacat, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kuala Belait di Jalan Maulana.

Menurut pengetua maktab itu alat-alat permainan tersebut iaitu buaian, jongkang-jongkit dan sebagainya adalah merupakan usaha projek minggu kebajikan bagi penuntut-penuntut di maktab itu yang diadakan pada bulan Ogos tahun lepas.

Antara tujuan derma itu diadakan ialah supaya kanak-kanak itu dapat merasakan alat-alat permainan itu seperti kanak-kanak yang bernasib baik dari mereka. Di samping itu ianya juga memperlihatkan bahawa masyarakat sentiasa mengambil perhatian yang berat kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik dari mereka itu dan ianya juga supaya mendorong penuntut-penuntut sekolah melakukan kerja-kerja yang berkebakikan.

GADONG 24 Jan. — Kaum wanita di negara ini mampu memperlihatkan kebolehan dalam berbagai bidang setanding dengan keupayaan wanita lain di negara-negara yang sedang membangun.

Kebolehan tersebut berhubungkait dengan sifat bersatu padu dalam bersatuan di kalangan mereka sebagaimana yang dilakukan oleh Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai Kerajaan (BISTARI).

BISTARI yang ditubuhkan pada tahun 1982, walaupun masih muda tetapi dengan sifat perpaduan dan kepimpinan yang ada di kalangan ahli-ahlinya telah memperlihatkan kematangan dan kebolehannya menjalankan dan melaksanakan pelbagai projek yang besar dan penting selaras dengan matlamat dan perkembangan negara.

Di samping mendukung aspirasi berkenaan berbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh BISTARI. Di antaranya mengadakan ceramah-ceramah, lawatan-lawatan, sukan, pameran, kebudayaan dan keagamaan.

Untuk mengemaskinikan lagi perjalanan badan ini BISTARI juga mengadakan mesyuarat agung tahunan.

Mesyuarat agung kali ketiga itu diadakan di Perkampungan Gadong pada 24 Januari lalu. Ia antara lain mengesahkan minit mesyuarat agung yang lalu, perkara-perkara yang berbangkit, laporan tahunan dari Setiausaha Agung, laporan kewangan, memben-

Oleh: Haniza Abdullah

tangkan cadangan pindaan perlembagaan, membubarkan jawatankuasa pentadbir, melantik Pengerusi dan Setiausaha Sementara dan memilih serta melantik jawatankuasa pentadbiran yang baru.

Mesyuarat itu dipe- ngerusikan oleh Pengerusi Tetap BISTARI, Datin Hajjah Gayah Kamariah binti Shafie.

Menurutnya, sejak penubuhannya, BISTARI telah berusaha mempertingkatkan tahap kejayaannya melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan yang mempereratkan lagi silaturahim di kalangan ahlinya di samping berjaya memupuk semangat bersefahaman dan bersatu padu.

Sementara itu, Yang Dipertua BISTARI, Yang Amat Mulia Seri Laila Pengiring Diraja Pengiran Datin Paduka Seri Laila Jasa Hajjah Siti Zabaedah dalam ucapannya berharap semangat bersatu padu dan berkerjasama yang sedia ada itu hendaklah dipertingkatkan untuk lebih mencapai kejayaan di masa akan datang.

# Kaum wanita mampu perlihatkan kebolehan



AHLI Jawatankuasa Tertinggi BISTARI sedang meneliti laporan tahunan yang dibentangkan di mesyuarat berkenaan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



## Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatitkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 27 Januari, 1988.

### BANDAR SERI BEGAWAN 2085

- 1) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
  - a) Kedai Chop Hock Huat No. 62 Jalan McArthur.
  - b) Kedai Eng Leong No. 8 Jalan McArthur.
- 2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.60.
  - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
  - b) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
- 3) Serbuk Kari Kurma (Cap Rusa) setin \$2.00.
  - a) Kedai Chop Ken Ken B2, Jalan Robert.
  - b) Kedai Leong Soom Huat, No. 1, Jalan McArthur.
- 4) Garam (Cap Buaya) \$1.00 6 bungkus.
  - a) Kedai Chop Hock Huat No. 62 Jalan McArthur.

### TUTONG 5082

- 1) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
  - a) Kedai Lim Kian Seng No. 3 Jalan Enche Awang.
- 2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
  - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
- 3) Serbuk Kari Kurma (Cap Rusa) setin \$2.00.
  - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.
- 4) Garam (Cap Buaya) \$1.00 5 bungkus.
  - a) Chop Yee Seng No. 9 Jalan Enche Awang.

### SERIA 7087

- 1) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
  - a) Kedai Foo Hap Shing No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
- 2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.70.
  - a) Kedai Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
- 3) Serbuk Kari Kurma (Cap Rusa) setin \$2.00.
  - a) Kedai Hudson Company No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.
- 4) Garam (Cap Buaya) \$1.00 6 bungkus.
  - a) Kedai Sim Fatt Hin No. 74, Jalan Bunga Kenanga.

### KUALA BELAIT 6083

- 1) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 70 sen.
  - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
- 2) Aji-No-Moto (350g) sebungkus \$1.50.
  - a) Kedai Teo Hiang Hng No. 45 Jalan Pretty.
  - b) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
- 3) Serbuk Kari Kurma (Cap Rusa) setin \$2.00.
  - a) Kedai Ng Ming Hong No. 101, Jalan McKerron.
- 4) Garam (Cap Buaya) \$1.00 5 bungkus.
  - a) Kedai Koh Kit Hin No. 28, Jalan Pretty.



PENGARAH Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad menyaksikan peralatan permainan kanak-kanak cacat yang telah didermakan oleh Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



## Ubat penyakit rohani dengan membanyakkan zikir kepada Allah

Dari muka 5

Wahai kaum Muslimin,

Andainya kita merasakan diri kita masih mempunyai penyakit-penyakit rohani baik apapun jua sebab-sebab dan punca-puncanya maka marilah kita mengubatnya dengan segera dan jangan biarkan ianya terus sakit sehingga tenat. Takut nanti akan termasuk pula ke dalam golongan yang Allah tunjukkan mata hatinya dari petunjuk dan hidayah Allah. Dan ingatlah sebaik-baik ubat penyakit hati itu ialah dengan berzikir kepada Allah, kerana dengan itu akan menjauhkan kita dari melakukan tegahan-tegahan Allah. Bahkan akan membawa kepada beramal dengan suruhan-suruhan Allah.

## Penduduk-penduduk kampung diseru

# Tanamkan semangat ingin bersih

KUALA BELAIT 29 Jan. — Penduduk-penduduk Kampong Sungai Teraban di daerah itu diseru agar sentiasa menanamkan semangat yang inginkan kebersihan di kawasan di mana tempat mereka tinggal.

Seruan itu dibuat oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad semasa mengadakan kempen kebersihan di kampung itu.

Beliau seterusnya berkata kempen pada hari itu adalah sebagai memulakan langkah untuk menjaga kebersihan di kampung tersebut.

Sehubungan dengan itu, terang beliau lagi Jabatan Daerah Belait telah pun mengadakan perkhidmatan pembersihan sampah berhadapan dengan Sekolah Rendah Sungai Teraban.

Maka penduduk-penduduk di sekitar kampung itu akan

dapat menggunakan perkhidmatan tersebut dengan sebaik-baiknya.

Beliau menyambung lagi dengan adanya kerjasama yang diberikan oleh ketua kampung serta penduduk-penduduk, belia-belia, guru-guru dan murid-murid sekolah di kampung itu maka kempen serupa itu akan dilancarkan di masa akan datang.

Kempen tersebut merupakan projek Jabatan Daerah Belait. Lebih 200 orang menyertainya termasuk penduduk kampung, belia, guru serta murid-murid sekolah.

Kempen tersebut diadakan bermula daripada turun naik kereta di feri sehingga di Sekolah Rendah Sungai Teraban dan antara lain tujuannya ialah bagi mewujudkan alam sekitar yang bersih dan sihat.



KETUA Tentera Pertahanan Australia, Jeneral P.C. Gration membincangkan sesuatu dengan Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu. — Gambar oleh Abd. Halim.

## Lawatan muhibah Ketua Tentera Pertahanan Australia

BANDAR SERI BEGAWAN 29 Januari. — Ketua Tentera Pertahanan Australia, Jeneral Peter Courtney Gration telah melakukan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong di Kementerian Pertahanan, Istana Nurul Iman di sini.

Jeneral P.C. Gration dalam kunjungan itu disertai oleh Leftenan Kolonel Rodney James McKinnon, Pembantu Pegawai Turus kepada Ketua Tentera Pertahanan dan Leftenan Komander Bruce Bird, Penolong Penasihat Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi Australia di Republik Singapura.

Juga mengiringi beliau ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama J.M. Starey.

Jeneral P.C. Gration adalah dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke negara ini yang meliputi kunjungan hormat kepada Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad di Berakas Garrison.

Darussalam itu bertujuan memperlihatkan gambaran sebenar mengenai Negara Brunei Darussalam masa kini kepada negara-negara luar yang akan disalurkan melalui suruhanjaya-suruhanjaya tinggi dan kedutaan kita di seberang laut.

"Orang luar sudah sedia tahu bahawa negara kita mempunyai hutan rimba, sungai-sungai, Kampong Ayer yang terbesar di dunia dan juga hasil minyak. Kita percaya tentu banyak hal yang kita mahu mereka ketahui tentang Negara Brunei Darussalam masa kini," jelas beliau.

## Projek penggambaran negara melalui alat pandang-dengar

PULAIE 28 Januari. — Jabatan Perdana Menteri telah pun selesai mengusahakan satu projek penggambaran mengenai Negara Brunei Darussalam melalui alat pandang-dengar. Projek penggambaran ini dihasratkan untuk memperlihatkan berbagai aspek kehidupan Negara Brunei Darussalam termasuk aspek ekonomi, sosial dan kebudayaan, adat-resam, kehidupan keluarga, Kampong Ayer dan lain-lain yang berkaitan, yang melambangkan ciri-ciri ke-Bruneian.

Pertunjukan selama 30 minit itu telah dihadiri oleh para diplomat asing, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan negara ini bertempat di Pusat Dakwah Islamiah di sini.

Projek yang diusahakan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama seorang jurugambar



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong ketika berucap di majlis tersebut.

terkemuka dari New Zealand itu telah dapat kerjasama yang rapat dari pelbagai Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menurut Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, projek yang telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

## Hadiri Persidangan Agung Pertubuhan Wanita ASEAN di Republik Singapura

SERAMAI 12 orang ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam kini berada di Republik Singapura bagi menghadiri Persidangan Agung Pertubuhan-pertubuhan Wanita ASEAN.

Ini adalah merupakan kali pertama kita menghadiri persidangan tersebut. Rombongan negara itu diketuai oleh Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie.

Gambar kiri kelihatan Datin Hajjah Jusnani binti Haji Lawie beserta dengan ahli-ahli Majlis Wanita Brunei Darussalam sejurus sebelum berlepas ke Republik Singapura bagi menghadiri seminar tersebut.



## RALAT

KELUARAN Pelita Brunei pada 20 Januari 1987 di muka surat depan di bawah tajuk 'Isreal Terus Dikutuk' terdapat beberapa kesilapan.

Perenggan empat hendaklah dibaca "Khutbah Jumaat itu disediakan khas sebagai menyahut keputusan Mesyuarat Tergempar Jawatankuasa Al-Quds, Pertubuhan Persidangan Islam yang telah diadakan di Morocco pada 5 Januari lepas yang telah mengisytiharkan hari Jumaat 15 Januari 1988 sebagai Hari Perpaduan dengan kebangkitan rakyat Palestin."

Sementara perenggan lima hendaklah dibaca "Keputusan mesyuarat jawatankuasa itu meminta supaya Khutbah Jumaat pada hari tersebut di semua masjid di seluruh dunia Islam ditumpukan kepada masalah kebangkitan dan penderitaan rakyat Palestin."

Atas kesilapan itu penyunting meminta maaf.



## Budaya dan masyarakat

# Pantang larang orang tua punyai pengajaran yang bermanfaat

**A**DAT merupakan warisan yang dihormati oleh kumpulan masyarakat baik yang lama mahupun ditirucipta, diubahsuai dan dihormati oleh masyarakat itu sendiri. Penciptaan adat ini banyak dipengaruhi oleh kepercayaan, corak hidup dan agama yang mana dikelilingi oleh kesanggupan dan keupayaan masyarakat itu sendiri," demikian pendapat YURA HALIM.

Adat adalah peraturan yang mengawal dan kebaikan sesuatu masyarakat itu. Oleh itu adat-istiadat, pantang larang yang terpelihara itu akan dipraktikkan oleh sesuatu masyarakat itu hingga keturunannya. Lahirlah peribahasa "Hidup dikandung adat, adat mengandung adab" yang menggambarkan masyarakat yang mempunyai keperibadian hidup yang dihormati oleh masyarakat itu setiap hari.

Bagi masyarakat yang mengenali diri ber-masyarakat rela kehilangan anak kerana berkorban untuk masyarakatnya:

Biar mati anak jangan mati adat  
Alah bisa tegal biasa  
Kerbau dipegang tali manusia dipegang janji.

Dalam membicarakan adat, saya lebih suka memperkatakan berhubung dengan "pantang larang" masyarakat Melayu khususnya masyarakat Brunei. Apakah dia pantang larang itu? Apakah pantang larang itu masih mendapat tempat dalam masyarakat kita hingga hari ini?

"Pantang" membawa erti tegahan daripada melakukan sesuatu kerana dipercayai membawa akibat yang buruk. Sementara perkataan "larang" pula bermaksud tegahan melakukan sesuatu kerana kuatkuasa undang-undang atau peraturan sama ada secara lisan atau bukan lisan.

"Pantang larang" disimpulkan dengan membawa erti tegahan kerana berdasarkan kepercayaan atau kuatkuasa undang-undang atau peraturan, walaupun terdapatnya perbezaan antara "pantang dan larang" tetapi digunakan sebagai istilah majmuk yang membawa erti peraturan atau undang-undang.

### Diamalkan

Dalam masyarakat Melayu, banyak pantang larang yang dipraktikkan dan setengahnya masih diamalkan terutama orang-orang tua kita di negara ini malah juga di negara-negara jiran seperti Malaysia, Indonesia,

Singapura. Dalam pantang larang ini ada terdapat pantang larang yang mempunyai persamaan dengan masyarakat India seperti tidak boleh menyentuh kepala dengan tangan ia membawa akibat tidak baik iaitu akan menjadi bodoh di bidang pelajaran atau kata orang kita Brunei "babal". Pantang larang meliputi adat istiadat serta upacara dan juga perkara-perkara biasa dalam aktiviti harian seperti makan dan minum, waktu, warna, sentuhan dan sebagainya.

Masyarakat Brunei telah biasa dengan pantang larang yang diwarisi turun-temurun untuk diamalkan sehari-hari malah ianya menjadi sebutan. Kebanyakan pantang larang tidak lagi dipercayai malah sering di mulut-mulut bagi tujuan untuk "baibun" atau bergurau atau ditujukan kepada golongan muda bagi maksud untuk mengingatkan. Misalnya anak dara tidak boleh menyanyi di dapur telah menjadi senikata lagu Rafeah

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO

Buang nanti mendapat suami tua atau dipanggil "ayah". Memotong kuku di waktu malam, tidak boleh menyusup di bawah ampai kain, tidak boleh bersiul dalam rumah dan mengembangkan payung dalam rumah akan didatangi ular. Bagi bakal pengantin baru tidak boleh memakan cencalu atau "budu" dikhuatiri hujan akan turun dengan lebatnya bila masa persandingan. Bagi ibu-ibu yang mengandung ditegah melihat binatang yang buruk terutama dari segi rupa dan kelakuan kerana dikhuatiri anak yang dikandung itu kena kenan atau "paingan" dan anak damit yang dilahirkan itu akan meniru rupa dan kelakuan binatang yang disaksikannya itu.

### Petua baik

Banyak lagi pantang larang yang masih diamalkan kerana ada setengah pantang larang itu memberi petua yang

baik umpamanya ketika makan tidak boleh berpindah-pindah nanti banyak suami atau isteri. Ini semata-mata untuk mengelakkan nasi atau makanan bersepah di sana sini, tidak sedap mata memandang kerana keadaan rumah yang tidak kemas dan tabiat demikian tidaklah sopan dan akan menambahkan lagi tenaga untuk membersihkannya.

Masyarakat Brunei juga masih mengamalkan adat istiadat dan pantang larang berhubung dengan kelahiran anak damit atau bayi. Setelah diazankan, tembuni anak damit akan dihanyutkan di sungai atau lautan di sebuah bayung yang dibubuh dengan paku, garam dan kemenyan. Menurut kepercayaan orang kita, anak damit akan diletakkan di tempat yang dihaskan seperti tilam dan "ungakan" atau buaian yang dibubuhi di bawah bantal dengan kacip dan diletakkan sirih sebesar "mata ikan" di dahi. Ianya bertujuan untuk mengelakkan diganggu oleh iblis syaitan atau hantu syaitan.

### Meninggalkan

Sebenarnya pantang larang adalah satu muslihat bertujuan untuk menegah, mengingatkan untuk membuat pekerjaan yang baik dan teratur di samping menasihati orang lain khususnya kaum remaja untuk menjadi



KAUM wanita memang mempunyai peranan penting di bilik dapur dalam menyediakan makanan dan minuman, tetapi dalam masyarakat Melayu kita, tegahan dibuat supaya mereka tidak bernyanyi dan sebagainya. Larangan menyanyi ketika membuat kerja bertujuan untuk menjaga keselamatan di dapur maklum sajalah kalau sudah menyanyi kita boleh khayal, dan seumpamanya.

seorang yang mempunyai budi pekerti yang baik dan nilai-nilai kerohanian yang sempurna, tegasnya ianya mempunyai pengajaran-pengajaran yang bermanfaat untuk dicontohi atau diteladani.

Pantang larang yang disebutkan di atas mengandungi petunjuk dan nasihat. Sebenarnya menyanyi di dapur akan menyebabkan si gadis akan lalai, akibatnya makanan yang dimasak akan hangus, lagi pula kurang manis bagi seorang gadis berkelakuan kurang sopan lebih-lebih lagi apabila didatangi oleh sanak-saudara atau jiran tetangga. Menyanyi di dapur boleh menyebabkan air liur kita masuk dalam makanan yang dimasak. Bila orang memerhatikan keadaan kita mereka tidak mahu memakannya!

Pantang larang yang tidak lagi diikuti memandangkan perkembangan sains dan teknologi seperti adanya kemudahan elektrik. Anak-anak gadis boleh juga menyanyi kerana adanya bantuan alat lektrik, masakan tidak akan hangus. Ini terpuhlangnya kita untuk menyesuaikan pantang larang tersebut tetapi bagi saya pantang larang itu adalah satu pengajaran.

### Islam

Konsep Allah dan sifat-sifat-Nya adalah jelas di kalangan masyarakat Melayu khususnya orang Islam. Orang Melayu yang patuh dan ingin mengekalkan secara murni tentang konsep Allah dapat digambarkan melalui keimanannya. Merendahkan diri, tidak sombong dan angkuh

merupakan salah satu proses penghayatan terhadap keesaan Allah Subhanahu Wataala.

Dalam pantang larang yang disebutkan tadi, umpamanya tidak boleh makan berpindah-pindah akan menyebabkan keadaan rumah yang tidak bersih. Dalam Islam sendiri kebersihan adalah separuh daripada iman, bertolak dari pantang larang ini bukan ianya memberi erti yang betul dan percaya dengan perkara yang karut iaitu dapat suami dan isteri yang banyak. Sebaliknya ia berupa pengajaran supaya kita akan menjaga kebersihan sekeliling apatah lagi dalam rumah kita.

Sebaliknya ada juga pantang larang yang bertentangan dengan Islam seperti memotong kuku di waktu malam akan mendatangkan sial bagi si pemotong itu. Sedangkan dalam Islam, Allah sendiri berfirman "Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan mereka itu mengubah nasibnya sendiri". Jadi perkataan membawa sial itu tidaklah wujud kerana hanya memotong kuku di waktu malam.

Oleh itu pantang larang yang diperturunkan kepada kita oleh nenek moyang dahulu sebenarnya merupakan satu muslihat untuk mengingatkan kita tidak melakukan perkara-perkara yang tidak menunjukkan disiplin atau budi pekerti orang-orang Melayu. Tapi apapun pantang larang jangan dijadikan satu kepercayaan yang menyalahi di sisi Allah dan ajaran agama Islam.

**PANTANG larang yang diperturunkan kepada kita oleh nenek moyang kita dahulu sebenarnya merupakan satu muslihat untuk mengingatkan kita supaya tidak melakukan perkara-perkara yang tidak menunjukkan disiplin atau budi pekerti orang-orang Melayu.**



MAKAN berkumpul seperti kelihatan dalam gambar amatlah menyelerakan dan menyeronokkan. Tetapi dalam masyarakat Melayu, kita tidak digalakkan makan berpindah-pindah. Larangan tersebut kalau kita kaji adalah untuk menjaga kebersihan di samping untuk mendisiplinkan diri.



# rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

## RAMPAI PAGI

**M**EDIA elektronik radio dan televisyen, merupakan dua bidang media penyiaran yang diminati ramai di negara kita hari ini. Sejak Radio Brunei mula diasaskan pada tahun 1957 dan Televisyen Brunei memulakan operasinya dalam tahun 1975, pendedahan pemikiran masyarakat di negara ini kepada idea-idea baru dan bersifat positif semakin luas terbuka. Malahan, kedua-dua media elektronik inilah secara langsung merubah sikap masyarakat penonton di negara ini.

Dalam ruangan Radio Minggu Ini pada siarannya kali ini kami akan membuat beberapa pendekatan berhubung dengan rancangan baru di Bahagian Televisyen Brunei, iaitu rancangan 'Rampai Pagi'. Tentu saudara pendengar ingin mengetahui mengapa sudut Radio Minggu Ini membincangkan rancangan di televisyen. Sebenarnya saudara antara radio dengan televisyen ada mempunyai kaitan erat. Adik-beradik, di bawah satu bumbung Penyiaran dan Penerangan. Tugas-tugas dan fungsi perkhidmatannya juga tidak berbeza, iaitu menghibur, memberikan maklumat dan mendidik.

Sejauh ini sememangnya kami seringkali banyak memaparkan dan juga

membincangkan kegiatan-kegiatan harian di Perkhidmatan Radio Brunei. Ini adalah disebabkan Perkhidmatan Radio Brunei lebih kerap memberikan perkhidmatan penyiarannya. Seperti yang kita maklumi bersama bahawa siaran Radio Brunei dipancarkan ke udara bermula jam 6.00 pagi sehingga jam 10.30 malam. Justeru itu pula, kami harus sentiasa memberikan pendekatan yang agak serius kepada pendengar-pendengarnya.

Bagaimana pula dengan rancangan-rancangan Televisyen Brunei? Kami kira tentu agak penting juga untuk saudara ketahui, kerana Televisyen Brunei mempunyai kepentingan yang sama kepada saudara seperti juga radio. Jadinya, sebagai ruangan memberi maklumat kegiatan-kegiatan di Bahagian Penyiaran Radio Televisyen Brunei, kali ini ruangan Radio Minggu Ini akan menjelaskan serba sedikit rancangan televisyen 'Rampai Pagi'.

Rancangan 'Rampai Pagi' di Televisyen Brunei ini sebenarnya baru sahaja diperkenalkan kepada

saudara, pada 3 Januari 1988 ini. Jadinya rancangan ini baru berusia hampir sebulan jagung. Tentunya, di sana sini masih ada kekurangannya yang harus ditampung untuk diperbaiki. Walau bagaimanapun, pihak Radio Televisyen Brunei tetap mempunyai kepercayaan yang penuh dan optimis bagi menentengahkan rancangan baru 'Rampai Pagi' ini. Ini adalah berpandukan dari semangat bekerja yang telah diasuh dan disemaikan kepada diri kita selama ini, iaitu 'kalau tidak berani meneroka sesuatu usaha kerja, kita tidak akan mengetahui hasil kejayaannya'. Justeru, apa yang diharapkan adalah kejayaan daripada rancangan baru ini.

Seperti juga 'Rampai Pagi' di Radio Brunei, 'Rampai Pagi' di Televisyen Brunei yang disiarkan pada setiap pagi Ahad, bermula jam 10.00 hingga jam 11.00 pagi tersebut juga mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Di antara matlamat 'Rampai Pagi' Televisyen Brunei ialah untuk menentengahkan pelbagai kegiatan pembangunan negara dan juga isu-isu semasa, yang bersangkutan dengan kehidupan kita seharian.

Sebagai penonton, saudara-saudara peminat rancangan Radio Televisyen Brunei di negara ini kami harapkan sentiasa bersikap terbuka. Sekiranya saudara-saudara mempunyai idea dan pandangan yang baik dan membina, pihak penerbit 'Rampai Pagi' dengan hati

terbuka pula bersedia menerimanya. Semua ini adalah untuk kebaikan rancangan Televisyen Brunei kita, yang semakin sehari semakin diminati ramai.

Di samping itu, pihak Radio Televisyen Brunei juga sentiasa membukakan berbagai-bagai peluang kepada peminat-peminat rancangan Televisyen Brunei di negara ini. Kalau saudara mempunyai bakat sebagai pengacara rancangan Televisyen misalnya, silalah berhubung dengan Radio Televisyen Brunei. Kebolehan saudara itu akan diuji dan seterusnya saudara akan diberikan kesempatan mengacarakan rancangan 'Rampai Pagi' ini. Apa yang diharapkan kerjasama peminat-peminat rancangan Radio Televisyen Brunei dari masa ke semasa dapat mempertimbangkan mutu rancangan ini. Kerana rancangan 'Rampai Pagi' ini kami usahakan adalah untuk saudara penonton semua.



Promo Drama Tv:

## "BULAN TIDAK SELAMANYA GERHANA"

DRAMA Tv berjudul "Bulan Tidak Selamanya Gerhana" sedang dalam penggambarannya. Cerita ini mengisahkan HALIMAH yang masih belajar bersama kawan-kawannya terutama kawan karibnya FAUZIAH.

Suatu hari PAK LALIM (Ayahnya) telah jatuh sakit. Penyakitnya tidak dapat disembuhkan sehingga ayahnya meninggal dunia.

Dalam keadaan terpaksa, HALIMAH berhenti sekolah dan bekerja sementara di salah sebuah Kedai Syarikat demi untuk menyara keluarganya. Dalam keadaan be-

gitu HALIMAH tidak membuang masa dia meneruskan pengajiannya belajar kelas petang, akhirnya HALIMAH berjaya dalam peperiksaan. Drama ini diarah dan diterbitkan oleh Pg. Hj. Shahbudin bin Pg. Hj. Tengah, ditulis oleh Mohd. Salleh Abd. Latif.

Gambar atas memperlihatkan Hassan berdiri di sebelah kiri (Mohd. Yusof Hj. Abd. Rahim) dan HALIMAH berdiri di sebelah kanannya (Hjh. Zubaidah Hj. Harun) sedang mengingat dialog dalam lakonan Drama Tv berjudul "Bulan Tidak Selamanya Gerhana".

## Sandiwara Radio Minggu Ini: "WALI"

**M**INGGU ini Sandiwara Radio berjudul "WALI," hasil tulisan A. Mohammad Timbang, Negara Brunei Darussalam.

Wali bertemakan keagamaan, di mana sepasang suami isteri telah menyedari akan kesalahan mereka yang telah lalu dan terpaksa membongkar rahsia lama mereka walaupun dengan berbuat demikian mereka sangat merasa malu.

Jalal dan Marni telah menginsafi akan perbuatan mereka yang telah

lalu. Mereka sebenarnya pernah melakukan zina, hingga lahirnya Suzana anak mereka satu-satunya. Mengikut ketetapan agama Islam, anak perempuan yang dilahirkan di luar nikah tidak boleh berwalikan ayahnya bila ia menjalani pernikahan. Justeru itu, mereka terpaksa berterus terang kepada Suzana.

Untuk mengatasi masalah itu, mereka terpaksa meminta bantuan Ustaz Bakar bagi menjelaskan perkara yang sebenar pa-

da Suzana. Suzana pula mempunyai rancangan yang tersendiri tentang pernikahannya dengan Iman nanti. Sebagai seorang anak tunggal, ia mahu ayahnya sendiri yang menikahnya dan tidak berwakilkan wali hakim seperti lazimnya.

Sudah tentu perkara ini bertambah merumitkan bagi Jalal dan Marni. Bagaimanakah perasaan Suzana apabila ia mengetahui perkara yang sebenarnya? Jangan lupa, WALI akan menemui awda melalui siarannya pada 7 Februari, 1988, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abd. Rahman.

## Citra Irama

CERITA ini mengisahkan tentang kesepian hati seorang isteri Zidah setelah kehilangan suami Mazwan. Namun pada akhirnya kesepian hatinya mula terisi adanya Izam di sisinya. Ke mana perginya Mazwan dan siapa pula Izam?

Untuk mengetahuinya awda dijemput mengikuti siarannya pada hari Jumaat 5 Februari, 1988, jam 4.00 petang.

### BORANG UNTUK RANCANGAN TAHNIAH DAN UCAP SELAMAT:

Nama pengirim : .....

Alamat : .....

Telefon (pengirim) : .....

Tarikh siaran : .....

Dalam ruangan : SELAMAT PAGI / RAMPAI PAGI

Ditujukan buat: .....

Kerana : .....

(Melangsungkan Perkahwinan/Menyambut Hari Jadi/dan lain-lain)

Iringan ucapan : .....

No. Telefon yang ditujukan : .....

Kepada :

Penerbit Rancangan Tahniah dan Ucapan Selamat,  
Bahagian Melayu Radio Brunei,  
Radio Televisyen Brunei,  
Jabatan Penyiaran dan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan 2042,  
Negara Brunei Darussalam.

### Mari Memasak:

## SRI MAS AYU

### BAHAN-BAHAN-NYA :-

- 8 biji telur diasingkan putihnya.
- 200 gram mentega
- 600 gram gula merah
- 600 gram tepung naik sendiri
- 2 gelas santan pekat
- 1 sudu makan serbuk penaik
- 1 sudu makan perasa pandan
- 1 sudu makan ovellette secukupnya pewarna coke-lat

kelapa parut dibuang ari secukupnya  
 $\frac{1}{2}$  gelas air sejuk sedikit garam.

### CARA MEMBUATNYA :-

1. Ayak tepung dengan baking powder. Pukul putih telur dengan gula sampai kembang masukkan air sejuk pukul lagi, masukkan kuning telur.
2. Di mangkuk yang berasingan putar mentega bersama ovellette dan pandan sampai berkrim.

Campurkan ke dalam adunan telur.

3. Masukkan tepung berselang-selang dengan pati santan kacau sampai sebat. Bubuh pewarna coke-lat.

4. Ambil acuan sapu sedikit mentega. Masukkan kelapa parut bercampur sedikit garam tekan dengan hujung sudu. Masukkan tepung adunan, kukuslah sampai masak di dalam kukusan yang mendidih selama lima minit.



# RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

# TV MINGGU INI

## RABU 3 Feb.

### PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
- 5.00 BUTTERFLY ISLAND: "Sword Of Honor" (Siri baru)
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Ming's Winter"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW: "Call Of The Wild"
- 6.20 PLANTS FOR FREE: "Cutting I"
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.47 PLANTS FOR FREE — sambungan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 FAMILY TIES: "Paper Lion"  
Sewaktu membantu Profesor ekonominya menyiapkan kertas penyelidikan yang penting, Alex merasa serba salah bila mendapati kesimpulan profesornya bercanggah dengan kenyataan.
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 FAMILY TIES — sambungan
- 8.05 RAGS TO RICHES
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 ROAD TO WEMBLEY
- 11.00 DYNASTY: "The Surrogate"  
Sean menerima tawaran kerja dari Alexis menyebabkan tidak sefahaman dengan Adam. Dana pula tersiksa dengan kenyataan bahawa dirinya tidak dapat mengandungi Jeff dan Fallon semakin renggang sementara Steven membeli pasukan bola Blake dan Sammy Jo terpicik pada salah seorang pemain pasukan itu.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS 4 Feb.

### PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DANGER BAY: "Hot Cargo"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DANGER BAY — sambungan
- 6.00 EXPERIMENT PHYSICS
- 6.25 YOUNG UNIVERSE
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.47 YOUNG UNIVERSE — sambungan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 THE CHARMINGS: "Witch Of Van Oaks"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 THE CHARMING — sambungan
- 8.05 HUNTER: "The Girl Next Door"  
Hunter dan McCall berlagak sebagai suami isteri untuk menyiasat pembunuhan seorang budak perempuan yang mana kematiannya telah mendedahkan rancangan jahat Soviet untuk menempatkan ejen-ejen rahsia di Amerika Syarikat.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 DEMPSEY AND MAKEPEACE: "The Hit"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR: "Between The Darkness And The Dawn"
- 12.50 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT 5 Feb.

### TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.10 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan
- PETANG**
- 1.00 CONQUEST
- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS
- 2.15 SUKAN DUNIA
- 3.15 MASK
- 3.56 AZAN ASAR
- 3.40 AL-KISAH: "Fakir Budiman"
- 4.00 CAREBEARS: "The Big Star Round Up"
- 4.25 PROJECT U.F.O.: "The Davilish Davidson Lights"
- 5.15 THE LIFE AND DEATH: (Siri baru)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BRAT FARRAR
- 6.20 THE MAKING OF . . . "Taipan" Bahagian II
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.47 THE MAKING OF . . . — sambungan
- MALAM**
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 REKASENI — ulangan
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 REKASENI — sambungan
- 8.05 INSIDE STORY: "Found Dead"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 DOKUMETARI JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN: "Jabatan Pencen-Pencen Negara II"
- 10.20 FALCON CREST: "Loose Cannons"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU 6 Feb.

### PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WORLD OF SURVIVAL: "The Drought Of The Century"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TOGETHER WE STAND: "A Little Miracle"
- 6.15 MY LITTLE PONY AND FRIENDS
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 MY LITTLE PONY AND FRIENDS — sambungan



SALAH satu adegan yang terdapat di sebuah lagi tayangan gambar bertajuk: "THE MAN WHO WOULD BE KING" yang akan dapat disaksikan pada hari Ahad kira-kira jam 2.50 petang.

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 PERFECT STRANGERS: "Hunks Like Us"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 PERFECT STRANGERS — sambungan
- 8.05 THE FLYING DOCTORS: "Dreams Of Sand"  
Chris dan Tom bertentangan pendapat mengenai seorang tua pelombong permata yang menderita akibat kemalangan yang diperolehinya di tempat lombong. Kemalangan berlaku adalah disebabkan kecuaiannya sendiri. Chris berpendapat pelombong ini sudah terlalu tua untuk menjaga dirinya sendiri, dan cara melombong yang primitif.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 TAYANGAN GAMBAR: "Jangan Menangis Mama"
- 10.55 ANEKARIA — ulangan
- 11.50 THE EVIL TOUCH
- 12.50 SIARAN TAMAT.

## AHAD 7 Feb.

### PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN
- 9.02 AL-QURAN
- 9.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 9.15 MICKEY AND DONALD: "Mickey Down Under"
- 9.40 THE ADVENTURES OF JEREMY/ COLARGOL
- 10.00 RAMPAI PAGI
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR

### TENGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.37 AZAN ZUHUR
- 12.42 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 1.00 MUSICAL: VARIETE VARIETE

### PETANG

- 1.50 BIG LEAGUE SOCCER
- 2.50 TAYANGAN GAMBAR: "The Man Who Would Be King"
- 3.56 AZAN ASAR
- 4.01 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 4.15 SILVERHAWKS
- 4.45 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
- 5.55 CENTURIONS: "The Better Half" Bhg. II
- 6.20 ONE BIG FAMILY: "Dog Daze"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 ONE BIG FAMILY — sambungan

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DADS: "Of Mice And Dirty Jokes"  
Projek sekolah Allan melibatkan

beberapa ekor tikus tapi perkara yang dihadapi ialah perselisihan pendapat Rick dan Louie mengenai ratu kelakar kotor.

- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 DADS — sambungan
- 8.05 HOUSTON KNIGHTS: "Colt"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIBURAN MINGGU INI
- 10.45 PETROV AFFAIR
- 11.35 THE HITCH HIKER
- 12.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN 8 Feb.

### PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 RAGGY DOLLS
- 4.55 ONCE UPON A TIME . . . MAN: "Carolingians"
- 5.20 BEYOND 2000
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 BEYOND 2000 — sambungan
- 6.20 THE FIRERAIERS: "The Baltac-Lover" (Siri baru)
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 THE FIRERAIERS — sambungan

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DIFFERENT STROKES: "Speak No Evil"
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 DIFFERENT STROKES — sambungan
- 8.05 T. J. HOOKER: "Funny Money"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Killer In The Mirror"  
Salah seorang kembar siam menjadi seorang pembunuh yang tidak boleh dihalang oleh sesiapa pun demi mencapai kehendaknya walaupun saudara kembarnya terpaksa dipertanggungjawabkan di atas perbuatannya.
- 12.30 SIARAN TAMAT.

## SELASA 9 Feb.

### PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SEABERTS: "Twenty Feet Under The Ice"
- 4.40 THE ELECTRIC COMPANY
- 5.10 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "The Rain Bow Mine"
- 5.35 O-LA-LA (Siri baru)
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 O-LA-LA — sambungan
- 6.20 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.38 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.48 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER — sambungan

### MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 MARI MEMASAK: "Sri Mas Ayu" (Resipi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 7.44 AZAN ISYAK
- 7.49 MARI MEMASAK — sambungan
- 8.05 AIRWOLF: "Ground Zero"  
Yahara seorang juruterbang berbangsa Jepun membalas dendam kerana ayah St. John pernah menawannya dalam Perang Dunia Kedua tetapi akhirnya St. John berjaya menghentikan perbuatannya itu.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 10.45 FLOODTIDE: "The Catch"
- 11.45 SIARAN TAMAT.



## Sambungan minggu lalu

- (2) Bolehlah kadi menetapkan kepada hakim-hakam itu jalan yang hendak dijalankan kewajipan mereka dan hendaklah mereka itu menjalankan kewajipannya mengikut ketetapan itu dan hukum syarak.
- (3) Jika hakim-hakam itu tidak bersetuju di antara satu dengan lain atau jika kadi itu tidak puas hati dengan kelakuan pekerjaan itu, maka bolehlah ia pecatkan mereka dan diganti dengan lain hakim di tempat mereka.
- (4) Tiap-tiap hakim hendaklah dengan seberapa daya mendapati daripada pihak masing-masing akan kuasa yang sepenuhnya dan boleh, jika kuasanya itu luas memberi hukum cerai dan jika demikian itu berlaku hendaklah diberitahu perkara itu kepada kadi bagi pendaftarannya.
- (5) Jika pada fikiran hakim bahawa pihak-pihak itu patut bercerai akan tetapi dengan apa-apa sebab tidak boleh memberi hukum cerai maka hendaklah kadi melantik hakim yang lain dan hendaklah jika hakim membuat perceraian itu, didaftarkan dan dikeluarkan surat-surat akuan cerai mengikut bagaimana keadaan yang telah ditetapkan baginya dahulu itu.

## 4. Sebab-sebab yang mengharuskan pembatalan nikah (fasakh) mengikut hukum syarak

Sesuatu pernikahan itu selain ianya boleh terputus dengan sebab perceraian atau talak, maka ianya boleh dibatalkan (difasakhkan) mengikut hukum syarak apabila setiap daripada pasangan suami isteri itu didapati mempunyai kecacatan yang menghalang di antara keduanya dari melakukan perisetubuhan kerana salah satu tujuan pernikahan di dalam Islam ialah bagi membolehkan dan mengharuskan perisetubuhan yang pada asal hukumnya adalah haram kalau tidak didahului dengan akad nikah.

Dalil yang mengharuskan pembatalan nikah (fasakh) disebabkan sesuatu kecacatan yang terdapat pada salah seorang dari pasangan suami isteri itu ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal daripada Jamil bin Zaid.

Pengertiannya: Telah menceritakan kepada seorang syeikh daripada orang Ansar menyatakan bahawa dia mempunyai seorang sahabat yang dinamakan Kaab bin Zaid atau Zaid bin Kaab. Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengahwini seorang perempuan daripada Bani Ghaffar apabila Baginda masuk ke tempat perempuan itu dan membuka pakaian Baginda serta duduk di atas tilam lalu Baginda telah ternampak di bahagian paha perempuan itu warna putih, maka dengan serta-merta bangun dari tilam itu kemudian Baginda bersabda: "Ambillah pakaianmu," dan Baginda tidak mengambil

## PERCERAIAN, SEBAB-SEBAB DAN CARA MENGATASINYA

sesuatu apa yang telah diberikannya kepada perempuan itu.

Hadis adalah menunjukkan bahawa Rasulullah telah tidak mahu menjadikan perempuan yang didapati mempunyai penyakit sopak, kerana itu adalah menunjukkan bahawa adalah berhak salah seorang daripada suami isteri membatalkan nikah mereka jika salah seorang daripada mereka mendapati pasangan itu sama ada suami atau isteri mempunyai penyakit sopak.

Kalaulah hadis itu telah membolehkan pembatalan nikah bagi suami ke atas isterinya yang mempunyai penyakit sopak, maka bagi penyakit lain seperti gila yang berterusan, kusta, kemaluannya yang tertutup sama ada oleh daging atau tulang adalah merupakan kecacatan yang dibolehkan oleh syarak bagi seorang suami itu membatalkan nikahnya dengan perempuan yang dinikahinya itu yang mempunyai kecacatan yang sedemikian itu.

Begitu juga bagi seorang isteri boleh membatalkan nikahnya dengan lelaki yang dinikahinya jika lelaki itu mempunyai kecacatan atau penyakit gila, sopak, kusta atau hilang kemaluan (tidak mempunyai zakar sama ada terputus atau hilang) atau seorang yang mati pucuk (lemah zakarnya untuk melakukan perisetubuhan).

## 5. Syarat untuk membatalkan pernikahan (fasakh) disebabkan oleh penyakit atau kecacatan:

- 5.1 Pernikahan yang boleh dibatalkan atau difasakhkan disebabkan oleh terdapatnya salah satu keaiban (kecacatan atau penyakit) yang mengharuskan fasakh pernikahan itu ialah bilamana kecacatan atau penyakit yang mengharuskan fasakh itu diadukan kepada hakim atau kadi oleh salah seorang dari kedua belah pihak suami isteri. Kerana itu adalah tidak memadai dengan hanya keredaan kedua belah pihak untuk membatalkan pernikahan tanpa keduanya mengadukan kecacatan atau keaiban itu kepada hakim atau kadi.
- 5.2 Hendaklah jangan yang menuntut fasakh itu terlebih dahulu mengetahui keaiban sebelum terlaksananya akad nikah, melainkan dalam masalah lelaki mati pucuk. Maka jika si isteri mengetahui bakal suaminya itu mati pucuk, maka dia masih boleh membuat pilihan untuk memasakhkan nikahnya itu atau tidak. Ini adalah disebabkan berlakunya kelemahan kemaluan seorang lelaki mungkin hanya kepada seorang perempuan yang

tertentu, tidak kepada perempuan yang lain.

- 5.3 Hendaklah yang membuat tuntutan fasakh aib (kecacatan) itu kepada hakim/kadi dengan segera (serta-merta) apabila aib (kecacatan) itu didapati ada pada pihak yang dituntut fasakh itu. Oleh itu apabila tidak dibuat tuntutan fasakh dengan segera, iaitu di dalam tempoh yang munasabah untuk membuat tuntutan fasakh, maka hak menuntut fasakh itu boleh gugur, iaitu tidak boleh dituntut. Akan tetapi berbeza halnya dengan masalah lemah zakar (unnah) bagi pihak suami ianya tidak disyaratkan dituntut dengan segera, bahkan boleh ditangguhkan hingga setahun, iaitu untuk tujuan memastikan dengan betul terhadap kelemahan zakarnya itu.

## 6. Sebab-sebab yang membolehkan pihak kadi memisahkan sesuatu pernikahan dengan cara fasakh atau cerai mengikut hukum syarak ialah:

- 6.1 Disebabkan ketidakupayaan untuk memberi nafkah keluarga oleh pihak suami, iaitu sebagaimana pendapat jumhurul ulama mengharuskan pemisahan itu adalah berdasarkan firman Allah Taala, di mana menahan isteri tanpa nafkah adalah mendatangkan mudarat (kesusahan atau kepayahan) kepadanya.

Dan Sayidina Omar Radiallahu Anhu pernah menulis kepada raja-raja Al-Ajnad, tentang para suami yang menghilangkan diri daripada para isterinya iaitu Baginda memerintahkan supaya para isteri mereka itu diberi nafkah atau mereka ceraikan dan jika mereka ceraikan hendaklah mereka mengirinkan nafkah yang lalu yang mereka tidak memberikannya itu.

- 6.2 Disebabkan oleh perbuatan suami yang melakukan sumpah untuk tidak menyetubuhi isteri dalam tempoh yang tertentu (ila).
- 6.3 Disebabkan perbuatan menuduh isteri melakukan zina dengan lelaki lain yang boleh membawa kepada hukum hudud zina, manakala pihak isteri mendustakan tuduhan suaminya itu, hingga membawa kepada masing-masing membuat pengakuan di hadapan kadi akan kebenaran masing-masing sebanyak 4 kali, di mana kali kelimanya masing-masing mengatakan iaitu suami mengatakan bahawa laknat Allah Subhanahu Wataala

terkena ke atas dirinya jika ianya berbohong di atas tuduhan zina kepada isterinya itu. Manakala pihak si isteri pula mengatakan kemurkaan Allah Subhanahu Wataala terkena atas suaminya jika sekiranya tuduhan suaminya benar.

- 6.4 Disebabkan perbuatan suami yang menyamakan atau menyerupakan isterinya dengan mana-mana perempuan yang haram dinikahinya (mahramnya) untuk selama-lamanya atau menyamakan salah satu bahagian anggota isteri-isterinya itu dengan salah satu anggota mahramnya yang haram dilihat seperti mengatakan kepada isterinya: "Dadamu adalah sama seperti dada ibuku" atau "pahamu sama seperti paha adik perempuanku".
- 6.5 Selain dari itu pemisahan fasakh perkahwinan disebabkan ketiadaan nafkah itu adalah lebih mendatangkan mudarat ke atas orang perempuan kerana boleh membawa kepada kelemahan diri untuk mengadakan hubungan jenis dengan suaminya lantaran itu ianya lebih berhak menuntut fasakh disebabkan ketiadaan upaya untuk memberi nafkah ke atas dirinya itu.

Sungguhpun demikian mengikut mazhab As-Syafeyyah dan Hanabilah, perceraian dengan cara fasakh disebabkan ketiadaan nafkah tidak harus melainkan dengan hukuman atau perintah daripada kadi kerana ianya merupakan sebagai fasakh dan ianya tidak boleh dibuat melainkan dengan adanya tuntutan yang dibuat oleh pihak isteri.

Selain dari sebab-sebab yang ditetapkan oleh syarak yang boleh membawa kepada perceraian sama ada dengan cara talak atau fasakh nikah yang dihukumkan oleh pihak kadi sendiri, maka sesuatu pasangan suami isteri itu boleh berlaku perceraian di antara keduanya disebabkan oleh perkara-perkara yang sama ada ditimbulkan oleh salah seorang dari kedua pihak atau dari kedua-dua belah pihak itu sendiri. Perceraian yang biasanya ditimbulkan di dalam keadaan seperti ini, ianya bukanlah diputuskan atau dihukumkan oleh pihak kadi sendiri, akan tetapi sama ada atas dasar kedua belah pihak suami isteri itu yang telah sama-sama setuju untuk bercerai atau atas kehendak sebelah pihak sahaja, sama ada ianya datang dari pihak suami sendiri atau dari pihak isterinya.

Faktor-faktor yang membawa kepada terjadinya perceraian seperti ini, sebagaimana kajian yang dibuat melalui kejadian perceraian yang terjadi di negara kita ini serta perbandingan dengan perceraian orang-orang Islam di negara-negara lain, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa ianya hampir-hampir mempunyai persamaan, walaupun terdapat perbezaan, maka ianya mungkin disebabkan oleh wujudnya perbezaan norma-norma atau nilai-nilai kemasyarakatan bagi sesuatu masyarakat itu atau disebabkan oleh perbezaan adat resam sesuatu masyarakat itu, walaupun dari segi hakikat pegangan hidup adalah sama iaitu pegangan kepada ajaran-ajaran Islam akan tetapi kesan dan pengaruh daripada adat resam dan norma-norma hidup sesuatu bangsa atau masyarakat itu boleh membawa kepada perbezaan cara berfikir atau bertindak seterusnya di dalam mentadbir kehidupan berumah tangga hingga membawa kepada sebab-sebab yang boleh terjadinya perceraian bagi sesuatu pasangan suami isteri itu.

Di dalam konteks perceraian suami isteri di negara kita ini maka faktor-faktor yang biasanya boleh membawa kepada perceraian itu bolehlah kita bahagikan kepada beberapa faktor yang penting. Dan ini dapat kita lihat dari perangkaan perceraian orang-orang Islam di Brunei dan faktor-faktor yang membawa kepada terjadinya perceraian itu.

## Bersambung minggu depan



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang menghadiri Seminar Kefahaman Keluarga Islam yang telah dilangsungkan di Pusat Dakwah Islamiah. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN UNIT ANTI-DADAH KEMENTERIAN PELAJARAN

| Bil. Tawaran | Keterangan                                                                        | Tarikh<br>Tutup |
|--------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
| UAD/T/B/88   | Gas Chromatograph-Mass Selective Detector Coupled to Chemstation (HP 5890A/5970B) | 21.3.1988       |

### Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 4, Bangunan Kementetrian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi  
Lembaga Tawaran Negara,  
Tingkat 4,  
Kementetrian Kewangan,  
Jalan James Pearce,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Anti-Dadah, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

|               |                           |
|---------------|---------------------------|
| Selasa-Khamis | 8.00 pagi — 11.00 pagi    |
|               | 1.30 petang — 2.30 petang |
| Isnin-Sabtu   | 8.00 pagi — 10.00 pagi    |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai sebanyak \$100.00 bagi setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong 2055, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebaliknya.

## Pemberitahuan Tawaran, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik

BIL. : PPL/TB/03/1988

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI NATIONAL STADIUM, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00.  
Tarikh tutup : 22 Februari, 1988 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan. Kelayakan pemborong : Kelas "A" Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/TB/04/1988

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI BANGUNAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Cengkeram : \$200.00.  
Tarikh tutup : 22 Februari,

1988 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan. Kelayakan pemborong : Kelas "A" Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/TB/05/1988

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI BANGUNAN JABATAN KERJA RAYA, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS.

Cengkeram : \$200.00.  
Tarikh tutup : 22 Februari, 1988 (hari Isnin) jam 12.00

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan. Kelayakan pemborong : Kelas "A" Hawa Dingin. an Elektrik.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.



# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

| Bil. Tawaran | Keterangan                                          | Cagaran  |
|--------------|-----------------------------------------------------|----------|
| DA/TQ/11/88  | Membekal dan Menghantar "Trolley"                   | \$100.00 |
| DA/TQ/12/88  | Membekal dan Menghantar "Outboard Engine" 45HP-50HP | \$100.00 |
| DA/TQ/13/88  | Membuat dan Menghantar "Perahu Temuai"              | \$100.00 |
| DA/TQ/14/88  | Membekal dan Menghantar "Pelapik Meja dan Kerusi"   | \$100.00 |

### Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :  
Tingkat Satu,  
Kementerian Pelajaran,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Semua harga tawaran hendaklah termasuk perbelanjaan menghantar alat-alat dan keperluan-keperluan tersebut ke Ibu Pejabat, Stor Kementerian Pelajaran, Pejabat-pejabat Daerah Kementerian Pelajaran dan Maktab-maktab/Sekolah-sekolah di mana perlu.
4. Setiap harga tawaran bagi sesuatu barang hendaklah juga termasuk harga C.I.F. dan Cukai Kastam.
5. Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh dan katalog. Jika contoh-contoh itu tidak dapat dimuatkan dalam sampul surat maka hendaklah dihantar ke Bahagian Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam. Kegagalan menyertakan contoh serta mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.
6. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
7. Syarikat yang berjaya mestilah bersedia membuat pembekalan tambahan apabila diperlukan dengan harga seperti yang ditetapkan. Dari itu tempoh sah harga (price validity) mestilah dalam masa 1 (satu) tahun.
8. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan di tuju-kan kepada :

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Tingkat Satu,  
Kementerian Pelajaran,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 14 Mac, 1988 jam 12.00 tengah hari.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan bilangan nombor tawaran (Tender Ref. No.) sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga CIF Brunei (udara) termasuk cukai (jika berkenaan) dan waktu penyerahan (delivery period).
5. Sebut harga (quotation) hendaklah sah sehingga 30 November, 1988.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TENDER No. JPP/05/1988

### "ALAT-ALAT MUZIK BAGI KOMBO RTB"

|                                                                                      |        |
|--------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| 1) Violin, lengkap dengan bow, chinrest dan case (conrad Gotz PT. No. 133 full size) | 5 Nos. |
| 2) Viola, lengkap dengan bow, chinrest dan case (conrad Gotz PT. No. V131)           | 2 Nos. |
| 3) Bb & F Tenor Slide Trombone dan case (King model No. 607F atau 4PF)               | 1 No.  |
| 4) Concert Flute dengan case (Armstrong No. 90)                                      | 2 Nos. |
| 5) Bb Clarinet dengan case (Selmer series 10 S)                                      | 1 No.  |
| 6) Alto Saxophone dengan case (Selmer Super Action 89 Series 11)                     | 1 No.  |
| 7) Bass Amplifier 100W (Marshall Model No. 4450)                                     | 1 No.  |
| 8) Bass Guitar dan case (Febder, Jazz bass)                                          | 1 No.  |

10. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.  
Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—  
Selasa-Khamis 8.00 pagi — 11.00 pagi  
1.30 petang — 2.30 petang  
Isnin-Sabtu 8.00 pagi — 10.00 pagi
11. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).
12. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### Peringatan

1. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
2. Sila alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran, Tingkat Satu, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Dalam hal yang tertentu, Jabatan ini tidak semestinya memberi kesemua tawaran dalam satu tender kepada satu pembekal.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

PENAWAR-penawar yang berdaftar dengan Jabatan Stor dan Perbekalan Negara adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130 sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Februari, 1988 bagi perkara berikut :—

TAWARAN BIL.: 7/1988

- a) Supply of Forklift Truck — 1 Unit
- b) Supply of Cargo Truck — 1 Unit
- c) Supply of Diesel Powered Prime Mover with Flat Bed Trailer — 1 Unit

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan 2010 semasa waktu-waktu bekerja.

## TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/22/88

MEMBEKAL : SUIT FLYING LT WEIGHT  
Cagaran : \$100.00.

BIL.: MINDEF/DFP/MTB/23/88

MEMBEKAL : BARBED TAPE (SECURITY FENCE)  
Cagaran : \$100.00.

### Syarat-syarat Tawaran

- a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Bolkliah Garrison 3782, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 16 Februari, 1988.
- b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison, Bangun-
- c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran dan QA, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison, Bangunan 150. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
- d. Cagaran tawaran pembekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN

TAWARAN BIL. 1/1988

TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal satu (1) unit JENTERA FORKLIFT CONTAINER 40-42 TON angkatannya.

Forklift tidak ada cukai di Brunei.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang biasa atau yang diiklankan dan hendaklah bertutup pada bahagian atas sebelah kiri. Sampul tersebut hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran dan tarikh tutup. Tawaran-tawaran hendaklah di-

alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat Satu, Bangunan SUK Lama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 3 Februari, 1988.

Wang cagaran sebanyak \$300.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang rendah/murah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong siapa yang mempunyai kenderaan yang dilengkapi dengan kesesuaian pengangkutan bagi perkakas-perkakas Telekom yang berat.

(PEMBEKALAN UNTUK TAWARAN INI ADALAH BAGI TEMPOH 1 TAHUN)

2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada :—

Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil  
Kementerian Perhubungan  
Tingkat 1  
Bangunan Sekretariat  
Bandar Seri Begawan 1150  
Negara Brunei Darussalam.  
Tidak lewat dari jam 3.00 petang hari Rabu 17 Februari, 1988.

3. Tawaran-tawaran mestilah

dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda :

"TENDER FOR DEPLOYMENT OF TRANSPORT SERVICE"

Tender Ref. No. : ST/6/88  
4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Rumah Telefon, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

Bil. : JPD/1/1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi :—

Tajuk : THE SUPPLY OF ONE UNIT MICRO FILM SYSTEM AND ACCESSORIES.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tanpa membubuhkan nama pengirim dan dalam sampul surat yang tertutup ditulis dengan :—

THE SUPPLY OF ONE UNIT MICRO FILM SYSTEM AND ACCESSORIES TO JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

ditujukan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tarikh tutup tawaran ialah pada 18 Februari, 1988 jam 12.00 tengah hari.

3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong 2055, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebaliknya.

Bil. : JPD/2/1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi :—

Tajuk : THE SUPPLY OF 3 UNITS MOTORCYCLES AND ACCESSORIES.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tanpa membubuhkan nama pengirim dan dalam sampul surat yang tertutup ditulis dengan :—

THE SUPPLY OF 3 UNITS MOTORCYCLES AND ACCESSORIES TO JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

ditujukan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat Satu, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tarikh tutup tawaran ialah pada 18 Februari, 1988 jam 12.00 tengah hari.

3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong 2055, Negara Brunei Darussalam.

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebaliknya.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Design And Erection of Self-Supporting Radio Towers and Mast on a Turn-Key Basis.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada :

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil  
Kementerian Perhubungan  
Tingkat 1  
Bangunan Sekretariat  
Bandar Seri Begawan 1150  
Negara Brunei Darussalam.  
Tidak lewat dari jam 3.00 petang 2 Mac, 1988.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda :

TENDER FOR THE DESIGN AND ERECTION

OF SELF-SUPPORTING RADIO TOWERS AND MAST ON A TURN-KEY BASIS

Tender No. : JTB/STEE/(P&D)/2/1988.

4. Dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam setelah membayar wang cagaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) dan \$1,000.00 (dikembalikan).

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

### 1) KERANI PERANGKAAAN :

(Bilangan Kod : 050 39-920)

(Di Pejabat Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji : D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

#### Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Bagi yang tidak mempunyai kelayakan akademik seperti di (a) dan (b) hendaklah berkhidmat selama lima tahun.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja perangkaan.

#### Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Kerani perangkaan adalah dikehendaki antara lain mengumpul, menyemak dan menyusun perangkaan yang dikendalikan oleh pejabat ini. Perangkaan-perangkaan ini adalah didapati dari borang-borang pentadbiran pejabat ataupun dari temuduga-temuduga dengan orang ramai semasa membuat sesuatu pengkajian atau pembancian.

### 2) PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN ISLAM : (Bilangan Kod : 112 14-221)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

#### Kelayakan :

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut :—
  - Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
  - Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
  - Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat; lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai pengalaman tiga tahun dalam hal-ehwal Perkembangan Ugama atau dalam bidang urusan Pentadbiran Tanah-Tanah Perkuburan.
- Hendaklah tahu menulis dan membaca Jawi.
- Yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman hal-ehwal Perkembangan Ugama atau dalam bidang Pentadbiran Tanah-Tanah Perkuburan bolehlah juga dipertimbangkan.

### 3) PEMBANTU PEMELIHARAAN DOKUMEN :

(Bilangan Kod : 041 19-139)

(Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

#### Kelayakan :

- i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa dalam Sijil Am Pelajaran.
- ii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja arkib.

- Boleh membaca dan menulis jawi.

#### Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab ke atas segala kerja-kerja pembaikan dan pemeliharaan bahan-bahan arkib. Ini termasuklah kerja-kerja saluti dan pembaikan cara tradisional ke atas manuskrip, surat khabar dan lain-lain.
- Membantu kerja-kerja penjilidan.

### 4) KAKITANGAN PENTAS

(Bilangan Kod : 009 17-333)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

#### Kelayakan :

- Berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
- Lulus Tingkatan IV.

#### ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta tiga tahun pengalaman di dalam bidang yang bersesuaian.
- Mempunyai Sijil Pertukangan Kayu atau sebanding akan diberi keutamaan.
- Bertugas sebagai pembantu Studio RTB selama tidak kurang dari tiga tahun dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik adalah juga dipelawa untuk memohon.
- Bekerja bergaji hari di RTB selama tidak kurang empat tahun dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik adalah juga dipelawa untuk memohon.

#### Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Tugas-tugas jawatan ini termasuklah menyediakan alat-alat kelengkapan pemandangan (set-set) untuk Studio ataupun tempat-tempat rakaman luar dan penggambaran perfileman dijalankan. Tugas-tugas lain termasuklah menyimpan dan membuka set-set dan membuat tugas-tugas seperti yang diarahkan dari masa ke semasa. Pemohon-pemohon yang berjaya akan bertanggungjawab kepada Scenic Master, Bahagian Rancangan-Rancangan.

#### Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

### 1) PENOLONG PENDAFTAR MAHKAMAH KADI :

(Bilangan Kod : 112 14-183)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 \$900-\$1625 sebulan.

#### Kelayakan :

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Sijil Perguruan Ugama, Brunei.
- Satu mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.

#### ATAU

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran dan tiga tahun pengalaman dalam jawatan yang berkaitan.

#### ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama lima tahun dan mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Pendaftaran nikah kahwin, urusan-urusan mahkamah dan pentadbiran pejabat.
- Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.
- Bagi yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan pelajaran yang dinyatakan di (b), (c), (d) atau (e) tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang dari lima tahun serta berpengalaman dalam kerja-kerja pendaftaran nikah kahwin, urusan-urusan mahkamah dan Pentadbiran Pejabat boleh juga dipertimbangkan.

- Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.

- Bagi yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan pelajaran yang dinyatakan di (b), (c), (d) atau (e) tetapi telah berkhidmat dengan kerajaan selama tidak kurang dari lima tahun serta berpengalaman dalam kerja-kerja pendaftaran nikah kahwin, urusan-urusan mahkamah dan Pentadbiran Pejabat boleh juga dipertimbangkan.

### 2) PENOLONG JURUKAMERA PERFILEMAN :

(Bilangan Kod : 009 16-373)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

#### Kelayakan :

- Satu mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran di Peringkat Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan boleh menunjukkan pengetahuan amali tentang Fotografi, Cinematografi atau Camera Video.

#### ATAU

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa dan tiga tahun pengalaman dalam jawatan yang berkaitan.

#### ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta berkhidmat selama lima tahun dalam jawatan yang berkaitan.

#### Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Penolong Jurukamera Perfileman adalah bertanggungjawab kepada Jurukamera Perfileman dalam setiap aspek tugasnya dan memainkan peranan khusus dalam pemasangan lampu di lokasi-lokasi. Sebahagian daripada latihan di mana keadaan membolehkan, Penolong Jurukamera Perfileman juga diminta menjalankan tugas-tugas Jurukamera Perfileman bagi menambahkan pengalamannya.

Apabila mendapat pengalaman yang diperlukan ia boleh diberikan tugas-tugas untuk dikendalikan sendiri.

### 3) PEMOTONG FILEM :

(Bilangan Kod : 009 92-765)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : E. 2-3 EB. 4 — \$590-\$875 sebulan.

#### Kelayakan :

- Lulus Tingkat 4 aliran Inggeris atau Melayu.

#### ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan tiga tahun pengalaman dalam bidang bersesuaian.

- Pengetahuan dan pengalaman dalam memotong dan menyunting filem merupakan satu kelebihan.

#### Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertanggungjawab bagi menyunting dan memotong filem seperti yang dikehendaki oleh jawatankuasa penapis dan untuk menemukan potongan-potongan ini sebelum filem itu diedarkan ke perkhidmatan televisyen selanjutnya yang akan menayangkannya. (Ini merupakan pekerjaan yang bertanggungjawab dan halus oleh kerana RTB akan mengalami kesulitan yang agak berat jika potongan-potongan yang tepat yang dipohonkan tidak dibuat).

#### Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu jawatan

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 29 Februari, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 8/1988.

(E/1811/80)

yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

#### Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 1 Mac, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 10/1988

(E/358/73)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan alatan-alatan kursus ELECTRICAL AND ELECTRONIC ENGINEERING INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI.

- Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari pejabat Pengarah Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara sewaktu pejabat dibuka.
- Mereka yang berminat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$100.00 tunai bagi setiap tawaran sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

| Bil. Tawaran | Keterangan                                                     |
|--------------|----------------------------------------------------------------|
| ITB/2/1988   | TRAINING SYSTEM FOR ELECTRICAL MACHINES (Supply)               |
| ITB/3/1988   | TRAINING SYSTEM FOR POWER ELECTRONIC (Supply and Install)      |
| ITB/4/1988   | TRAINING SYSTEM FOR CONTROL TECHNOLOGY (Supply)                |
| ITB/5/1988   | COMMUNICATIONS (Supply, Install and Commission)                |
| ITB/6/1988   | C BAND SATELLITE RECEIVER DISH (Supply Install and Commission) |
| ITB/7/1988   | ACOUSTICS TRAINING AND MEASUREMENT EQUIPMENT (Supply)          |
| ITB/8/1988   | OPTICAL COMPONENTS (Supply)                                    |

Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi,  
Lembaga Tawaran Kecil,  
Tingkat Satu,  
Kementerian Pelajaran,  
Jalan Lapangan Terbang Lama,  
Berakas,  
Negara Brunei Darussalam.

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.
- Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu 24 Februari, 1988.
- Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
- Tawaran-tawaran yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.



# Para pentadbir sukan perlu ubah sikap Jangan terlalu bergantung kepada kerajaan

BERAKAS. — Para pentadbir persatuan-persatuan sukan diseru mengubah sikap yang terlalu bergantung sumber kewangan kepada kerajaan dalam membiayai projek-projek dan penyertaan-penyertaan ahli-ahli persatuan mereka di luar negeri.

Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar menegaskan, trend yang ada sekarang memperlihatkan 90 peratus dari persatuan-persatuan sukan di negara ini bergantung kepada kerajaan dalam membiayai projek-projek dan penyertaan mereka di luar negeri kerana ketiadaan sumber kewangan mereka.

"Terlalu miskinnya persatuan-persatuan ini bahkan untuk membayar yuran tahunan 'affiliation' mereka kepada badan-badan sukan antarabangsa pun ada di antaranya terpaksa meminta pertolongan dari Kerajaan," tegasnya.

Beliau yang menjadi

tetamu kehormat perasmian Seminar Sukan 1988 berpendapat keadaan yang kurang sihat dan mendukacitakan ini perlu diberi perhatian yang serius dan mengambil langkah-langkah positif bagi memperbaikinya.

"Selagi masalah kewangan ini disandarkan kepada kerajaan, selagi itulah perkembangan sesebuah persatuan akan terbantut kerana kerajaan mempunyai kriteria dan had tertentu dalam memberikan bantuan mengikut keperluan dan keutamaan," jelas beliau.

Menurutnya, para pentadbir dan pengurus persatuan mempunyai tugas penting dalam proses mengembang-majukan sukan di negara ini.



PENGIRAN Haji Alauddin bin Pengiran Dato Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar, Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas-tugas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ketika berucap. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



Kelolaan Abd. Karim HAB

## BELIA & SUKAN

### Pengurusan baik, dedikasi dan aktif perlu bagi setiap persatuan

BERAKAS. — Pegawai Pentadbir Kanan yang menjalankan tugas Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar menjelaskan sesebuah persatuan yang baik perlu mempunyai pentadbiran dan pengurusan yang sihat, dedikasi, bersikap pemeduliaan, aktif dan mempunyai sumber kewangan yang kukuh.

Menurutnya, pengurusan dan pentadbiran hendaklah berasaskan norma-norma yang sihat mengikut perlembagaan persatuan, matlamatnya serta dipersetujui oleh majoriti ahlinya bukan mengikut nafsu dan dipengaruhi 'mood' dan sentimen pihak pentadbir atau pengurus.

Cara pengurusan yang diamalkan pula, perlu disukai

menurut kemampuan persatuan itu sendiri baik dari segi kemaian ahli, objektifnya atau sumber kewangan, sebolehnya bersifat 'sympathetic' di mana perlu.

Beliau yang berucap merasmikan Seminar Sukan 1988 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, seterusnya memberitahu dalam menerajui persatuan elemen yang paling penting ialah dedikasi, kejujuran dan amanah yang wajib ada di kalangan para pentadbirnya di samping mereka perlu mempunyai pandangan jauh.

Katanya, para pentadbir yang sememang menjawat tugas masing-masing secara sukarela perlu menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka dengan sepenuh hati. Tanpanya persatuan akan lumpuh dan menghancurkan harapan para ahli-ahli mereka yang secara langsung menggagalkan harapan untuk mencapai 'sports excellence' yang diharapkan.

Hak-hak demokrasi para ahli menurut Pengiran Alauddin perlu dihormati. Perjumpaan hendaklah selalu diadakan yang bukan saja dapat mengeratkan silaturahmi sesama ahli bahkan banyak perkara dapat diselesaikan secara kolektif.

"Usaha-usaha untuk menonjolkan dan mempopularkan persatuan adalah perlu. Bukan saja akan dapat menarik lebih ramai ahli, yang lebih penting ialah mengenal dan mempopularkan disiplin sukan yang diwakili oleh persatuan itu sendiri," ujarnya.

Selain itu, menurut tetamu kehormat itu, sumber kewangan juga tidak dapat dinafikan adalah nyawa kepada setiap persatuan.

Katanya, dalam hubungan ini, inisiatif, usaha dan kebijaksanaan pentadbir dan pengurus adalah sangat perlu untuk menjamin agar persatuan mereka sentiasa dalam keadaan kewangan yang sihat bagi membolehkannya berfungsi secara aktif.

"Dalam hubungan ini banyak cara yang dapat dilakukan asalkan ianya tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan negara ini," tegas beliau.

## Tingkatkan prestasi mutu sukan negara

PENGARAH Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad menyeru semua pihak yang terlibat dalam bidang sukan meningkatkan kelakonan masing-masing bagi menseimbangkan kedudukan kita dengan negara-negara lain di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Walaupun pada ketika ini negara kita nampak pesat dalam aktiviti-aktiviti sukan berlaku di sekitar kita, pencapaian perkembangan sukan di negara kita adalah masih jauh di belakang dan kita perlu dari sekarang 'increase the speed of our performance' bagi menseimbangkan kedudukan kita dengan negara di rantau dan antarabangsa," tegas beliau.

Beliau mengakui memang terdapat kekurangan-kekurangan dan kesulitan-kesulitan ke arah mencapai kecemerlangan, bagaimanapun menyedari kewujudan masalah-masalah berkenaan sahaja tidak mencukupi, perlu berikhtiar bagi mengatasinya dengan secara positif.

Beliau menegaskan sikap negatif perlu dihapuskan dan disingkirkan kerana tabiat itu wujud di kalangan kita, ia bermakna kita sudah kalah sebelum bertanding.

"Sebagai pemimpin, diharapkan ini tidak akan ber-

laku dan tiada orang lain boleh membantu para atlet kita melainkan kita sendiri," katanya di majlis pembukaan Seminar Sukan 1988 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan yakin, kefahaman dua hala antara para peserta dengan pihak penganjur mengenai struktur dan pentadbiran sukan tempatan yang ada ketika

ini dengan penggunaan kaedah biasa diamalkan oleh negara-negara yang lebih maju akan mendorong mereka bergiat maju menggerakkan keberkesanan persatuan masing-masing.



SEBAHAGIAN daripada peserta-peserta yang menyertai Seminar Sukan ketika hadir di majlis pembukaan rasmi pada hari tersebut. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

## 150 peserta sertai Seminar Sukan

KIRA-KIRA 150 peserta terdiri dari pemimpin-pemimpin persatuan sukan di peringkat kebangsaan, jabatan-jabatan kerajaan, swasta, jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai sukan telah menghadiri Seminar Sukan anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan selama empat hari di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada

28 Januari lalu.

Seminar sukan kali pertama ini bertemakan 'KE ARAH PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN SUKAN YANG BERKESAN'.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi seminar berkenaan, Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Damit, seminar

itu bertujuan memberikan kemahiran kepimpinan yang lebih sempurna dan ber-sistematis; memberi kefahaman lebih mendalam kepada pentadbir-pentadbir sukan tempatan; mempelajari kaedah-kaedah biasa dipakai oleh negara-negara yang lebih maju dalam bidang sukan dan mempelajari teknik-teknik

penyelarasan dan pengendalian sukan.

Sebanyak 11 ceramah telah disampaikan oleh sembilan penceramah dari dalam dan luar negeri di sepanjang seminar itu termasuk satu forum bertajuk Hubungan Olahragawan, Jurulatih dan Persatuan-Persatuan Sukan.



# Isu Kampuchea dapat diselesai melalui pengunduran tentera asing

Dari muka 1

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia, Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey dalam ucapan balasnya juga telah menyuarakan kebimbangan tentang konflik yang berlaku di Timur Tengah dan Kampuchea.

Yang Berhormat berkata, negaranya sentiasa menyokong apa jua usaha-usaha yang dijalankan oleh ASEAN dalam menyelesaikan masalah Kampuchea.

Republik Gambia, kata Yang Berhormat penuh percaya bahawa isu Kampuchea akan dapat diselesaikan sendiri oleh rakyat Kampuchea jika semua tentera asing bersedia berundur dari Wilayah Kampuchea.

Mengenai keganasan-keganasan di Wilayah-wilayah Arab yang diduduki Israel, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia itu mengutuk tindakan ganas rejim Tel Aviv terutama kegiatan kejamnya di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza dan dasar-dasarnya di Timur Tengah.

Untuk itu jelas Yang Berhormat, negaranya menyokong diadakan satu sidang damai antarabangsa untuk menyelesaikan konflik Arab-Israel.

Turut hadir di majlis pada malam itu termasuklah Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit, Menteri Pembangunan; Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

serta beberapa orang pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey beserta rombongan adalah dalam rangka lawatan ke negara ini. Gambar-gambar di sekitar lawatan Yang Berhormat dimuatkan di muka surat 3.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berbual mesra dengan Yang Berhormat Al-Haj Omar B. Sey, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Gambia di majlis jamuan makan malam. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## Sebagai penyumbang utama ekonomi ASEAN Perhatian serius perlu bagi sektor perhutanan

Oleh Dk. Saidah POA

ASEAN merupakan usaha contoh yang dapat dicapai dengan kerjasama ASEAN.

Beliau berharap jawatankuasa tersebut akan dapat mempertingkatkan kejayaan yang sudah dicapai ketika ini.

Beliau menambah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah di mesyuarat ke-9 Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN dengan menekankan perlunya merumuskan dan bertindak

ke arah berbagai kerjasama ekonomi secepat yang boleh.

Turut berucap di majlis tersebut ialah Pemangku Pengerusi Kumpulan Penyelaras, Dr. Setyono Sastrosoemarto dari Republik Indonesia.

Dalam ucapannya Dr. Setyono antara lain berkata kumpulan penyelaras telah juga berjaya merumuskan dasar asas kerjasama ASEAN dalam perhutanan yang ditandatangani secara rasmi oleh menteri-menteri ASEAN dalam tahun 1981 yang

dikenali sebagai Persefahaman ASEAN Mengenai Perhutanan Tropika ASEAN.

Seramai 18 orang perwakilan dari lima buah negara Asean menghadiri mesyuarat tersebut, negara-negara tersebut ialah Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina.

Lebih dari 20 agenda telah dibentangkan dalam mesyuarat itu antaranya ialah melantik timbalan pengerusi baru bagi mesyuarat itu, membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dari mesyuarat yang telah lalu, membincangkan kegiatan-kegiatan dan projek baru dan sebagainya.

BANDAR SERI BEGAWAN 26 Jan. — Perkembangan perhutanan perlu diberi perhatian yang serius memandangkan sektor tersebut penyumbang utama ke arah ekonomi kebanyakan negara-negara anggota ASEAN.

Demikian seruan yang dilahirkan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, Timbalan Menteri Pembangunan, ketika berucap merasmikan mesyuarat ke-12 Kumpulan Penyelaras Perhutanan bagi Jawatankuasa Makanan, Pertanian dan Perhutanan ASEAN yang telah dilangsungkan di Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara di sini.

Seminar yang julung-julung kalinya diadakan di Negara Brunei Darussalam itu berjalan selama empat hari dan ianya telah berakhir pada hari Jumaat, 29 Januari lepas.

Menurutnya penubuhan Institut Pengurusan perhutanan ASEAN dan Pusat Teknologi Pembalakan



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap ketika berucap merasmikan mesyuarat ke-12 Kumpulan Penyelaras Perhutanan bagi Jawatankuasa Makanan, Pertanian dan Perhutanan ASEAN baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

## MENGAKU SALAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam langkah yang mengejut pada pembicaraan Bank National Brunei Berhad orang utama dituduh, Awang Andrew Peattie telah mengaku salah terhadap tiga tuduhan yang dikenakan kepadanya mengenai pemalsuan penyata kewangan yang melanggar Akta Syarikat Negara Brunei Darussalam.

Awang Andrew Peattie, Juruaudit Bank tersebut telah mengaku membuat kenyataan palsu terhadap penyata kewangan bank tersebut. Penyata-penyata kewangan tersebut telah juga digunakan oleh pihak lain yang dituduh dalam kes ini bagi tujuan untuk mengelirukan para penyimpan dan pemegang-

pemegang saham bank tersebut.

Mahkamah telah menangguhkan dan akan memulakan pembicaraan pada hari Sabtu 30 Januari, 1988 di mana Hakim Besar, Awang Barry Mortimer akan menentukan tarikh hukuman bagi yang dituduh, Awang Andrew Peattie dan dua orang lain yang dituduh iaitu Awang Khoo Ban Hock dan Awang Robert Azlan Teo yang masing-masing telah mengaku kesalahan terlebih dahulu.

Di Mahkamah Tinggi hari ini, pihak pendakwa telah bersetuju untuk tidak meneruskan tuduhan terhadap Awang Bernard Soo.

## Hubungan terus diperkukuh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri penuh yakin dengan adanya kerjasama dan hubungan erat antara Brunei Darussalam dan Australia dalam konteks Dialog ASEAN-Australia dan lain-lain pertubuhan antarabangsa akan dapat ditingkatkan dan dikembangkan untuk faedah bersama.

Duli Yang Teramat Mulia melahirkan keyakinan itu dalam perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Bill Hyden, Menteri Luar dan Perdagangan Australia sempena Hari Kebangsaan negara tersebut yang jatuh pada 26 Januari, 1988.

Dengan adanya hubungan dan kerjasama yang erat yang dinikmati oleh kedua-dua buah negara selama ini, Brunei Darussalam, sabda Duli Yang Teramat Mulia sangat-sangat menghargai persahabatan dan kerjasama kerajaan dan rakyat Australia itu.

Sementara dalam perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Rajiv Ghandi, Perdana Menteri dan Menteri Luar India, Duli Yang Teramat Mulia penuh percaya bahawa perhubungan persahabatan antara Brunei Darussalam dan India akan terus diperkukuh di masa-masa yang akan datang.

Duli Yang Teramat Mulia menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Rajiv Ghandi sempena Hari Republik India yang juga jatuh pada 26 Januari, 1988.

## Negara kutuk tindakan ganas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei Darussalam melahirkan rasa kesal di atas pengeboman kapal terbang Penerbangan Republik Korea (KAL) pada 29 November, 1987 yang mengakibatkan kehilangan 115 jiwa. Brunei Darussalam mengutuk pihak yang bertanggungjawab terhadap tindakan ganas tersebut yang melibatkan pembunuhan orang-orang awam yang tidak bersalah.

**Membaca boleh menambah ilmu pengetahuan kita**